

KEJAYAAN pasukan Red Giants menjulang Piala Malaysia 2015 nyata menggembirakan seluruh rakyat negeri itu terutama dalam mencapai Misi 33 selepas kali terakhir bergelar juara menewaskan Perlis dengan jaringan 3-0, pada 2005.

Kemenangan itu juga disifatkan sebagai hadiah paling bermakna sempena Hari Keputeraan ke-70, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, pada 11 Disember lalu.

Dalam perlawanan akhir malam 12 Disember lalu, Selangor menewaskan Kedah 2-0 hasil jaringan Ahmad Hazwan Bakri pada minit ke-3 dan 47.



SELANGOR

PERCUMA 18 - 25 Disember 2015, 6 - 13 Rabiulawal 1437 www.selangorku.com



#SmartSelangor



TM PIALA MALAYSIA 2015



TM PIALA MALAYSIA



DYMM SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH menganugerah Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Darjah Kelas Pertama yang membawa gelaran Dato' Seri kepada Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali sempena Hari Keputeraan ke-70 baginda di Balairung Seri, Istana Alam Shah, pada 12 Disember lalu

Hari Keputeraan ke-70 DYMM Sultan Selangor

75 terima darjah dan bintang kebesaran

OLEH AFEQA AFEERA

KLANG - Pengerusi Lembaga Zakat Selangor (LZS), YAM Tan Sri Syed Anwar Ibrni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail mendahului senarai 75 penerima darjah dan bintang kebesaran Selangor sempena Hari Keputeraan ke-70 DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, pada 12 Disember lalu.

Beliau yang juga Pengerusi DRB-Hicom Berhad dikumia Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (D.K.IJ) di Balai Rung Seri, Istana Alam Shah sebagai tanda penghormatan kepada mereka yang menyandang jawatan penting kepada Sultan Selangor dan kerajaannya.

Sementara Dato' Meriteri Besar, Mohamed Azmin Ali menerima Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Darjah Kelas Pertama yang memba-

wa gelaran Dato' Seri.

Ahli Dewan di-Raja Selangor yang juga Orang Besar Istana, Tengku Dato' Setia Paduka Putra Alhaj Tengku Azman Shah Alhaj dikurnia Darjah Kebesaran Dato' Setia Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.) (Darjah Kelas Pertama) yang membawa gelaran Dato' Setia Setia bagi lelaki dan Datin Paduka Setia bagi wanita.

Turut menerima S.S.I.S adalah Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia, Dato' Setia Mohd Zawawi Salleh dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawi.

Mendahului senarai lapan penerima Darjah Kebesaran Dato' Setia Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) (Darjah Kelas Kedua) yang membawa gelaran Dato' Setia bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita adalah Ketua Hakim Syariah Selangor, Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Penerima lain D.P.M.S adalah

Penasihat Undang-Undang Selangor, Dato' Setia Nik Shuhaimi Nik Sulaiman; Felo dan Pensyarah Universiti Oxford, Dato' Setia Dr Afifi Al-Akhti; Timbalan Dekan Siswazah & Hal Ehwal Antarabangsa, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Zainul Rashid Mohamad Razq; Pengarah Jabatan Kesihatan Selangor, Dr S. Balachandran; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang (MP Sp), Puasa Md Taib; Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor, Mohd Zaki Ibrahim dan Pengerusi CIMB Group Holdings Bhd, Dato' Setia Seri Mohamed Nazir Abdul Razak.

Manakala, seramai 10 orang menerima Darjah Kebesaran Dato' Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.) (Darjah Kelas Kedua) yang membawa gelaran Dato' Setia bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita.



DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah menganugerah Darjah Kebesaran Dato' Setia Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.), Darjah Kelas Pertama yang membawa gelaran Dato' Setia kepada Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawi



Sultan Sharafuddin cemar duli ke pesta tanglung terbesar

SERI KEMBANGAN - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mencemar duli menghadiri pertunjukan 'Unity ASEAN Lantern' yang berlangsung di Mines Wellness City, di sini, pada 8 Disember lalu.

Baginda tiba kira-kira jam 8.00 malam diiringi Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali; Timbalan Setiausaha Agung ASEAN untuk Komuniti dan

Hal Ehwal Korporat, Dr A.K.P. Mochtan, duta ASEAN dan pelbagai negara dan Exco Negeri.

Sultan Sharafuddin yang mengenakan baju batik meluangkan masa hampir setengah jam menyaksikan pertunjukan air pancut berirama sebelum diiringi ke pameran tanglung gergasi pertama di Malaysia.

Tarikan terbaru itu menyaksikan penglibatan beberapa negara ASEAN seperti China, Ko-

rea Selatan, Jepun, Singapura, India termasuk Malaysia.

Menariknya, 22 tanglung gergasi itu dinyalakan dengan sejuta mentol sebagai simbolik mewakili negara ASEAN dan turut dihiasi 15 lampu warna-warni mengelilingi Tasik The Mines.

Selain itu, turut disediakan lebih 100 tanglung mini, 8,000 hiasan lampu dan Payung Tanglung Diraja setinggi 12 meter khusus buat Sultan Selangor.

Peka kebersihan elak banjir kilat

KLANG - Agensi Kerajaan Negeri perlu peka terhadap kebersihan longkang, tali air dan sungai untuk memastikan kelancaran aliran air, titah DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Baginda bertitah, kerja pembebasan perlu dilakukan dengan kerap bukan hanya menunggu sehingga berlaku banjir yang akan menyusahkan rakyat.

"Rakyat Selangor harus faham pentingnya menanam pokok di persekitaran mereka dan pihak berkuasa tempatan (PBT) pula harus mengadakan kempen berkenaan di tepi jalan dan tempat lapang.

"Beta dapati di Shah Alam banyak pokok ditebang untuk melebarkan jalan menyebabkan tanah menimbus longkang pengaliran air hingga terjadinya banjir kilat yang menyusahkan rakyat," titah baginda sempena Hari Keputeraan ke-70 di Balai Rung Seri, Istana Alam Shah

Klang, di sini, pada 12 Disember lalu.

Pada masa sama, Sultan Sharafuddin turut mengingatkan rakyat supaya hutan simpan dijaga sebagai khazanah negara dan tidak diwarta, diceroboh, ditebang atau dimusnahkan untuk tujuan pembangunan.

"Dalam keadaan semasa, kita dapati banyak kejadian cerun dan tanah runtuh yang menimbus lebuhan raya serta meragut nyawa manusia.

"Kejadian tanah runtuh berlaku antaranya disebabkan pokok ditebang dengan sewenang-wenangnya," titah baginda.

Selain itu, baginda juga mahu rakyat Selangor memahami kebersihan alam sekitar dengan membuang sampah secara baik dan teratur bagi mengelakkan daripada timbulnya wabak denggi serta penyakit berjangkit lain yang dibawa serangga atau haiwan pembawa penyakit.

Pembangunan Selangor diseimbangkan

Teras pembangunan jamin keadilan

OLEH AFEEQA AFEERA

KLANG - Kepayahan rakyat ekoran ekonomi gawat dan rasuah berleluasa mendorong Selangor menekankan prinsip kebertanggungjawaban serta keadilan sosial sebagai teras pembangunan negeri.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata beliau akan memastikan Selangor terus memecut ke hadapan bersaing dengan negeri dan negara lebih maju di rantau ini.

Katanya, gagasan 'Smart Selangor' dilakar sebagai visi negeri untuk tempoh tiga tahun akan datang dengan menjamin keadilan rakyat.

"Patik berkelana ke Jepun dan Korea Selatan mencari idea, menelusuri jejak bandar raya dan negara berjaya, meneliti pusat penyelidikan dan inovasi untuk memajukan lagi negeri.

"Pembangunan Selangor akan diseimbangkan dengan kemekaran seni budaya dan warisan dengan pembangunan muzium serta galeri untuk pencinta juga afidonado seni seperti Tuanku.

"Patik juga tidak lupa pentingnya bola sepak yang menjadi sukan rakyat dan kegemaran tuanku, bahkan berupaya menyatukan umat rancang," katanya



nya ketika menyampaikan Sembah Ucapan Taat Setia sempena Hari Keputeraan ke-70 DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Balai Rung Seri, Istana Alam Shah, di sini, pada 12 Disember lalu.

Mohamed Azmin berkata, Dewan Negeri Selangor (DNS) meluluskan program bantuan makanan asas untuk golongan temiskin dan mengecualikan pembayaran fi lesen bagi peniaga kecil serta penjaja, pada 2016.

Kuasa raja dihad, demokrasi lumpuh

KLANG - Demokrasi negara menjadi lumpuh apabila Perlembagaan dicabuli seperti mengehendakan peranan Raja-Raja Melayu sebagai lambang Islam sahaja serta 'rubber stamp' kepada undang-undang diluluskan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata puak pemerintah menganggap kuasa raja hanya saki-baki dan terbatas kepada perlantikan Perdana Menteri atau Menteri Besar.

"Mantera demokrasi yang diulang sebut kononnya hanya pemimpin yang terbit daripada peti undi memiliki kuasa melakar nasib dan masa depan bangsa serta negara adalah batil.

"Pandangan rakyat menegaskan Raja-Raja Melayu punya peranan cergas dan dinamik sebagai kubu terakhir melindungi Perlembagaan serta rakyat. Raja-Raja Melayu berperanan penting dalam perkara berkenaan urus tadbir negara, menimbang tara undang-undang diluluskan dan menjaga batas sempadan kuasa eksekutif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Sembah Ucapan Taat Setia sempena Hari Keputeraan ke-70 DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Balai Rung Seri, Istana Alam Shah, di sini, pada 12 Disember ini.

Mohamed Azmin berkata, walaupun Raja-Raja Melayu ti-

dad mencampuri urusan pentadbiran harian, namun apabila berlaku pencemaran Perlembagaan, maka Majlis Raja-Raja bertindak sebagai kedaulatan undang-undang dan kemakmuran negara.

Katanya, pandangan bahawa raja tidak boleh berbuat apa-apa terbit daripada akal keliru yang memberi kuasa mutlak tanpa sempadan kepada rakyat.

"Kita hanya perlu belajar daripada sejarah, apabila tangan berkuasa berpindah ke tangan lain kononnya atas nama kuasa rakyat, apa yang berlaku bukan perpindahan kuasa kepada rakyat keseluruhannya tetapi pemusatan kuasa di tangan seorang manusia," katanya.

“

Mantera demokrasi yang diulang sebut kononnya hanya pemimpin yang terbit daripada peti undi memiliki kuasa melakar nasib dan masa depan bangsa serta negara adalah batil

MOHAMED AZMIN
Menteri Besar



Dato' Setia Khusrin memegang Piala Malaysia sebelum persaraannya selepas diserahkan Amirudin Shari

Piala Malaysia di lobi SUK sebulan

SHAH ALAM - Penyokong pasukan Selangor berpeluang melihat trofi bola sepak berprestij, Piala Malaysia daripada dekat yang bakal dipamerkan di lobi Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) tidak lama lagi.

Ia susulan kejayaan skuad Red Giants menamatkan kemarau kemenangan Piala Malaysia sejak sedekad apabila menumpaskan Kedah 2-0, pada 12 Disember lalu.

Simbolik penyerahan dilakukan Exco Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari kepada Dato' Setia Mohammed Khusrin

Trofi itu akan dipamer selama sebulan di SUK dan dijangka akan dibawa ke seluruh Selangor untuk dikongsi bersama penyokong.

Munawi di SUK, di sini, pada 15 Disember lalu.

Trofi itu akan dipamer selama sebulan di SUK dan dijangka akan dibawa ke seluruh Selangor untuk dikongsi bersama penyokong.

Perlawanan penuh berseja-

rah itu menyaksikan Selangor berjaya merealisasikan Misi 33 iaitu kejayaan ke-33 sekali gus pasukan paling banyak merangkul kejuaraan Piala Malaysia.

Kali terakhir Selangor berjaya menjulang Piala Malaysia pada tahun 2005 selepas menumpaskan Perlis 3-0.

Kejayaan Selangor membawa pulang Piala Malaysia disifatkan sebagai hadiah buat DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sempena Hari Keputeraan ke-70 baginda.

Ia juga menjadi momen bermakna kepada Dato' Setia Khusrin yang bakal bersara sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, berkuatkuasa 3 Januari 2016.

Anugerah Sastera Selangor Kini

Sasterawan Negara penerima sulung dana

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Sasterawan Negara ke-10, Datuk Dr Mohd Anwar Ridhwan dinobatkan sebagai penerima sulung Dana Sastera Selangor 2015.

Beliau menerima dana khas RM120,000 serta berpeluang menerbitkan karya dan mengadakan program pembangunan bakat dalam bidang sastera.

Hadiah disampaikan Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Keusahawanan, Amirudin Shari bertempat di RUANG Space Event sempena Anugerah Sastera Selangor Kini.

Ketika ditemui Selangor Kini, Dr Anwar nyata gembira dengan usaha Kerajaan Selangor memartabatkan seni budaya dan bakal memanfaatkan dana diterima itu.

"Saya akan mengenalpasti pengarang muda untuk dibimbing kemudian diberikan ruang menulis novel. Saya akan pantau dari semasa ke semasa hingga ia



siap diterbitkan," katanya.

Beliau berkata, anak muda kini lebih berminat menghasilkan karya cerpen dan sajak kerana dilihat mudah walaupun hakikatnya sukar.

Anugerah Sastera Selangor Kini menyaksikan Roslan Jemel mengungguli kategori cerpen dengan karya bertajuk Telefilem.

Arafat Hambali memenangi kategori sajak melalui karya Hujan sementara Karl Agan mengungguli kategori artikel dengan karya Beban Puisi dan Tanggapannya.

Hampir 200 karya penulisan dari tiga kategori iaitu cerpen,

Saya akan mengenalpasti pengarang muda untuk dibimbing kemudian diberikan ruang menulis novel

ANWAR RIDHWAN
Sasterawan Negara ke-10



Karya finalis bakal dibukukan

SHAH ALAM - Karya cerpen, sajak dan artikel yang diterbitkan dalam keluaran akhbar Selangor Kini akan dibukukan untuk terbitan umum.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Keusahawanan, Amirudin Shari, berkata usaha itu disifatkan kecil untuk karyawan seni penulisan, namun ia langkah awal ke arah yang lebih besar.

"Lima karya finalis yang tercalon untuk anugerah ini akan kita bukukan. Ia cuma sumbangan kecil, namun kita akan cuba teruskan," katanya ketika menyampaikan ucapan aluan pada Anugerah Hadiah Sastera Selangor Kini 2015, pada 8 Disember lalu.

Beliau berkata, seni menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia bagi mengisi kekosongan jiwa walaupun perkembangan kehidupan berkisar kepada kepesatan teknologi.

Katanya, terma pembangunan berkualiti yang disebut dalam tema Belanjawan Selangor 2015 turut diisi dengan pemsyuhuran Shah Alam dan Petaling Jaya selaku Kota Seni Selangor.

Sementara itu, kategori cerpen dimenangi Roslan Jemel dengan tajuk Telefilem, manakala Arafat Hambali melalui karya Hujan untuk kategori Sajak dan Karl Agan mengungguli kategori artikel dengan karya Beban Puisi dan Tanggapannya.

Masing-masing membawa pulang wang tunai berjumlah RM5,000, trofi dan sijil.

Majlis turut diserikan persembahan kumpulan koir Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, tarian seruling daripada Rohi dan nyanyian Ana Raffali.

#FSKL tampil pelbagai acara seni

SHAH ALAM - Festival Kesenian Kuala Langat (#FSKL) 2015 yang berlangsung di Pantai Morib pada 13 Disember lalu adalah landasan kepada penggiat seni terutama dalam kalangan belia untuk mempersembahkan hasil karya mereka.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd

Azhar Mohamed Ali, berkata festival itu juga mewujudkan persaingan positif belia yang terbabit dalam penciptaan untuk menghasilkan karya berkualiti.

"Pada masa kini, ramai belia yang berbakat dalam penghasilan karya kreatif, namun menghadapi masalah kerana

kekurangan landasan mementengahkan bakat mereka.

"Festival ini memberi ruang penghasilan kerja seni kreatif seperti lukisan, grafik, fotografi, puisi, novel, penulisan, produk, muzik dan filem untuk dipaparkan kepada masyarakat umum," katanya dalam kenyataan.

Mohd Azhar berkata, pe-

nganjurannya itu juga bagi mempromosi daerah Kuala Langat khususnya Pantai Morib sebagai salah satu lokasi penganjurannya yang menawarkan kepelbagaian seni.

"Acara ini juga mampu menjana pendapatan tambahan kepada peniaga dan penduduk tempatan dengan kehadiran ri-

buan pengunjung membanjiri Pantai Morib.

"MDKL turut mengadakan Hari Bertemu Pelanggan dengan perkhidmatan seperti semakan dan pembayaran cukai taksir, kompaun parkir, permohonan dan memperbaharui lesen tred atau penaja dan kaunter aduan," katanya.

OLEH NORHAYATI UMOR

Momen sejarah tersendiri

Tahun Melawat Klang diwartakan 2017

KLANG - Tahun 2017 akan diwartakan sebagai Tahun Melawat Klang sebagai usaha mempromosikan daerah itu kepada umum ekoran mempunyai pelbagai momen sejarah yang tersendiri, kata Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Nazri Abdul Aziz.

Katanya, Majlis Perbandaran Klang (MPK) perlu giat mempromosikan pelbagai produk sedia ada termasuk memperkenalkan makanan tempatan atau jalanan sebagai simbol produk di daerah itu.

"Di Pulau Pinang dan Melaka banyak makanan jalanan diperkenalkan. Jadi di Selangor, daerah Klang berpotensi untuk memperkenalkan produk makanan. Antaranya Bak Kut Teh asli yang banyak di sini," katanya pada sidang media selepas Pelancaran Aplikasi Telefon Pintar 'Discover Selangor,' di Lobi MPK, pada 8 Disember lalu.

Hadir sama Exco Pelancongan, Hal Ehwat Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong dan Yang Dipertua MPK, Datuk Mohd Yasid Bidin serta Pengurus Besar Tourism Selangor, Noorul Ashikin Mohd Din.

Nazri turut mencadangkan MPK menaiktaraf kawasan ber-

sejarah antaranya Tugu Raja Mahadi bagi menjadikan ia sebagai simbol pelancongan di Klang.

"Pulau Ketam juga perlu diperkenalkan, kawasan Paya Bakau dan Jeti perlu dinaiktaraf termasuk pembinaan 'homestay' di pulau itu.

"Kehadiran pelancong luar negara ke Selangor jatuh ditangga ke tujuh sedangkan negeri ini maju. Jadi, ia amat mendukacitakan.

"Kita memahami, pelancong tiba di lapangan terbang kemudian ke tempat lain. Agak rugi jika tidak melawat negeri ini. Adakala pelancong memang ke Selangor namun hanya sehari dan bermalam di Kuala Lumpur," katanya.

Sehubungan itu, beliau mahu MPK menyediakan pelan rancangan khas untuk dikemukakan dalam Rancangan Malaysia akan datang.



"Setakat ini dalam RMK ke-11, untuk Selangor cuma ada satu iaitu Hutan Lipur Kanching. Ini memerinjatkan saya. Jadi, kita

minta MPK menyediakan pelan rancangan ini untuk kita lihat secara keseluruhannya.

"Kita tiada masalah untuk

bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan kawasan dan produk pelancongan," katanya.

App Discover Selangor mudahkan pelancong

KLANG - Tourism Selangor melancarkan aplikasi telefon pintar 'Discover Selangor' bagi memudahkan orang ramai dan pelancong mendapatkan maklumat berkenaan pelancongan di negeri itu.

Pelancaran aplikasi itu dilakukan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Seri Nazri Abdul Aziz di Lobi Majlis Perbandaran Klang (MPK), pada 8 Disember lalu.

Hadir sama Exco Pelancongan, Hal Ehwat Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong dan Yang Dipertua MPK, Datuk Mohd Yasid Bidin serta Pengurus Besar Tourism Selangor, Noorul Ashikin Mohd Din.

Elizabeth berkata, aplikasi per-cuma itu laksanakan kepada pengguna mendapatkan maklumat pelancongan, penginapan, acara, restoran dan pusat mem-beli-belah serta



berkaitan Selangor.

Katanya, aplikasi berkonsepkan mesra pengguna itu diperkenalkan Mei lalu dan kini 500 pengguna memuat turun di Android.

"Kita menasaskan 5,000 pengguna memuat naik aplikasi ini sehingga Jun 2016 di Android dan Apple Store. Di Malaysia, kira-kira 10 juta mengguna telefon pintar, jadi kita tidak mahu ketinggalan dalam kemajuan teknologi," katanya.

Beliau berkata, aplikasi itu akan turut ditempatkan di balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan menganggarkan tujuh juta pelancong tempatan dan luar negara akan mengunjungi Selangor, sehingga hujung tahun ini.

"Tahun lalu, 2.5 juta pelancong luar negara. Manakala setakat Julai lalu, seramai 2.2 juta pelancong asing dan 3.08 juta bagi tempatan," katanya.

Pelan komprehensif pupuk budaya kitar semula

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan menyediakan pelan tindakan komprehensif dalam menumpukan usaha memastikan kitar semula menjadi budaya rakyat negeri termaju itu.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata pelan itu membabitkan pemantapan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan memastikan kitar semula serta pengasingan sisa sebagai komponen utama.

Katanya, ia turut merangkumi pendekatan sistem pengasingan

secara sukarela dengan melaksanakan program kesedaran di semua peringkat masyarakat.

"Kita juga akan memperkasakan kemampuan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan komuniti dalam pengurusan kitar semula sampah dengan sokongan kewangan jika perlu.

"Kerajaan Negeri juga akan mengenalpasti kaedah pelupusan 'waste to energy' sebagai pemangkin kepada pengasingan sampah selain memberikan peluang ekonomi lebih baik kepada pemiagaan barangan kitar semula," katanya dalam

sidang media, di sini, pada 10 Disember lalu.

Hian Wah berkata, pelan itu diambil kira selepas melihat hasil projek perintis di empat PBT membabitkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) yang mula dijalankan, sejak Mei lalu.

"Ia juga bertujuan membuat anggaran kos dan faedah pelaksanaan sistem baharu yang boleh diguna pakai semua PBT negeri ini," katanya.

Projek Perintis Kitar Semula capai sasaran 64%

SHAH ALAM - Projek Perintis Kitar Semula Selangor di empat pihak berkuasa tempatan (PBT) mencapai 64 peratus sasaran sepanjang tempoh lapan minggu dijalankan, pada September lalu.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata pelaksanaan projek perintis itu juga berjaya mengurangkan pencemaran kutipan sampah dari 30 peratus kepada kurang 10 peratus.

"Kajian dijalankan mendapati, kita berjaya mencapai 64 peratus membabitkan penyertaan 587 unit kediaman dan 101 bangunan pemiagaan dengan jumlah kutipan sampah kitar semula 6,091 kilogram.

"Ia membabitkan kertas (34%), kadbord (19%), plastik (15%), kaca (11), barangan berjadual (7%), barangan potensi (5%), besi (4%), plastik bukan kitar semula (3%) dan tin aluminium (2%," katanya.

Sebelum ini, empat PBT iaitu

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dipilih menjayakan Projek Perintis Kitar Semula Selangor.

Pelaksanaannya bertujuan mengkaji kekangan dan kemampuan PBT melaksanakan sistem baharu pengasingan sisa pepejal selain isu penduduk menjalankannya serta langkah mengatasi.

Umno akui kata-kata Mohamed Azmin

PR1MA rumah 'mampu tengok'

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kenyataan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bahawa rumah Perbadanan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) hanya rumah 'mampu tengok' ekoran harganya tinggi diakui wakil Puteri Umno pada Perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini.

Ketua Puteri Umno Genik, Salbiah Mohamed, berkata rumah PR1MA yang bernilai antara RM100,000 hingga RM400,000 hakikatnya tidak mampu dimiliki golongan berpendapatan seder-

hana.

"Ini bukan untuk golongan sederhana, kerana itu kita selalu dengar orang cakap itu rumah mampu tengok sahaja, yang mampu milik hanya rumah dalam kubur,"katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar presiden.

Salbiah dipercayai merujuk kepada kenyataan Mohamed Azmin yang sering membidas Kerajaan Persekutuan kerana rumah mampu milik ditawarkan masih berada pada harga tinggi, sekali gus menyukarkan rakyat memiliki kediaman sendiri.

Mohamed Azmin dalam be-

berapa program pelancaran rumah mampu milik di bawah program Rumah Selangorku sekitar negeri itu beberapa kali mengingatkan Kerajaan Persekutuan tidak menekan rakyat yang ingin membeli rumah sendiri.

Rumah Selangorku hanya berharga serendah RM42,000 hingga RM250,000 sahaja berbanding PR1MA berharga setinggi RM400,000.

Konsep perumahan Selangorku menyediakan empat jenis rumah iaitu A berharga RM42,000, B (RM120,000), C (RM180,000) dan D (RM220,000

hingga RM250,000).

Selain ditawarkan pada harga mampu milik, Kerajaan Negeri turut membantu pembeli yang tidak memiliki pendapatan tetap, tiada bukti peridapatan dan umur lanjut untuk memohon pinjaman melalui Skim Khas Pembiayaan Pembelian Rumah Selangorku.

Kesungguhan Kerajaan Negeri membantu rakyat memiliki kediaman sendiri turut terbukti apabila mengadakan skim sewabeli di bawah skim Dana Sel bagi memudahkan golongan tidak layak membuat pinjaman memiliki rumah sendiri.

“

Ini bukan untuk golongan sederhana, kerana itu kita selalu dengar orang cakap itu rumah mampu tengok sahaja, yang mampu milik hanya rumah dalam kubur

MOHAMED AZMIN
Menteri Besar

Timbalan Presiden Umno memang tak selamat

SHAH ALAM - Naib Presiden KEADILAN, Tian Chua secara sinis menyifatkan individu yang menduduki 'kerusi panas' Timbalan Presiden UMNO biasanya tidak selamat dan gagal naik menerajui parti secara lancar.

Katanya, budaya diamalkan Presiden, Datuk Seri Najib Razak lebih 'menekan' suara pengkritik seperti yang berlaku kini.

"Mengikut sejarah Umno, timbalan semua tidak selamat. Tidak ada individu yang naik menjadi ketua (presiden) secara lancar. Itu gejala yang berlaku.

"Nampaknya, Najib tidak membenarkan sebarang suara kritikan bagi memudahkan beliau mengawal perkara itu," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 9 Disember lalu.

Antara pemimpin yang pernah memegang jawatan itu adalah Tun Musa Hitam dan Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, penyokong UMNO perlu membuat pilihan sama ada untuk kekal bersama parti itu atau menyertai landasan lebih besar susulan konflik yang melanda terutama perjuangan semakin tidak relevan hingga menghalang suara kritikan kedengaran.

Namun, katanya, masalah da-laman UMNO tidak semestinya memberikan keuntungan kepada sesiapa termasuk pembangkang sebaliknya pemimpin perlu memikirkan cara menyelamatkan ekonomi negara.

Pakatan berhemah tadbir Selangor



“**Perkara 109 menetapkan Kerajaan Persekutuan perlu membuat pemberian tahunan untuk dua perkara**

ISKANDAR SAMAD
Pesuruhjaya PAS Selangor

SHAH ALAM - Gesaan perwakilan Selangor, Datuk Nasaruddin M Zin supaya Kerajaan Persekutuan tidak lagi membiayai infrastruktur dan pembangunan di negeri itu kerana tidak dikuasai Barisan Nasional (BN) menunjukkan Umno tidak menghormati Perlembagaan Persekutuan.

Pesuruhjaya PAS Selangor, Datuk Iskandar A Samad, berkata UMNO gagal memahami tanggungjawab Kerajaan Persekutuan terhadap Kerajaan Negeri seperti yang diperuntukkan Perlembagaan Persekutuan.

"Perkara 109 menetapkan Kerajaan Persekutuan perlu membuat pemberian tahunan untuk dua perkara.

"Pertama adalah pemberian menurut kepala atau jumlah penduduk seperti Perkara 109(1) a. Kedua adalah pemberian bagi penyelenggaraan jalan seperti Perkara 109(1)b.

"Nilai pembayaran itu juga

dinyatakan dengan jelas pada Bahagian I dan II Jadual Kesepuluh perlembagaan itu," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Katanya, pimpinan Umno perlu berterima kasih kepada Kerajaan Selangor yang ditadbir secara berhemah dan terus menjadi penyumbang kepada lebih 20 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) negara.

Tegasnya, jika pembangunan di Selangor terhenti maka ia akan memberi kesan negatif kepada seluruh negara.

"Berterima kasihlah kepada Kerajaan Selangor yang berusaha untuk memastikan pembangunan di negeri yang paling strategik di Malaysia ini berjalan lancar.

"Walaupun gesaan ini dibuat oleh perwakilan, namun ia wakil dari negeri yang termaju di negara kita. Maka, tidak hairan jika ia juga pandangan UMNO dari negeri lain," katanya.

Lakonan Najib dapat 'pujian'

SHAH ALAM - Selepas diselang dengan desakan meletak jawatan dan pertanyaan 'mana RM2.6 bilion' halaman facebook Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sekali lagi dihujani pengalaman pahit netizen yang menjadi mangsa gara-gara 47 peratus pengundi membiarkan mereka tertipu dengan lakonan beliau sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 lalu (PRU-13).

Tinjauan Selangor Kini mendapati gesaan supaya Najib bertaubat dibuat komentar bermula apabila beliau memuat naik status menyatakan kekaguman terhadap lakonan Allahyarhamah seniwati Mariani atau

nama sebenarnya Mariam Ismail yang meninggal dunia, baru-baru ini.

"Saya masih ingat lakonan Seniwati Mariani dalam filem seperti Labu Labi dan banyak lagi. Semoga roh Allahyarhamah dirahmati. Al-Fatihah," tulis Najib dalam twitter milik beliau.

Status yang dimuat naik pada 1 Disember itu dibalas dengan gesaan supaya beliau bertaubat kerana menekan kehidupan rakyat apabila menaikkan harga barangan keperluan termasuk mengenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

"Saya masih ingat lakonan Datuk Seri sebelum PRU. Janji

macam-macam turun, sekarang semua naik. Semoga Datuk Seri taubat sebelum terlambat. Al-Fatihah," tulis komentar.

Selangor Kini mendapati majoriti daripada 6,598 komentar pada status terbabit turut menulis perkara sama dan berlarutan hingga kini.

Bagaimanapun, Selangor Kini menjangkakan reaksi orang ramai itu tidak akan memberi sebarang ancaman terhadap Najib sama seperti kenyataan bekas Ketua Bahagian Umno di Pulau Pinang, Datuk Khairuddin Abu Hassan kepada sebuah portal bahawa Najib memiliki kulit yang tebal.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muzaf Omar
KETUA PENGARANG: Cecilia Aptonius
PENGARANG: Nurul Fatma Nazlan
PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezil Maslut, Naem Rafi
WARTAWAN:
Afeeqa Afeera: afeeqa@mediaselangor.com,
Haftzan Talib: haftzant@mediaselangor.com,
Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,
Atix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,
Northayati Umor: hayati@mediaselangor.com,
Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,
Syasya Suffian: syasyawisufian@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Ari Septia, Raheem Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Ara 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Alauatik, 13/45, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 E-mel: newselangorkini@gmail.com

Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara Bolehkan hartanah dirampas, geledah tanpa waran

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (RUU MKN) membolehkan pihak keselamatan menangkap dan menggeledah rumah atau mana-mana bangunan tanpa perlu mendapatkan waran mahkamah terlebih dahulu.

Ahli Parlimen Batu, Tian Chua, berkata harta persendirian seperti tanah dan bangunan yang berada di kawasan diisytiharkan darurat juga boleh dirampas tanpa memerlukan kebenaran mahkamah.

"Tak kira di mana-mana tempat jika Perdana Menteri rasa ada ancaman dan keperluan, maka tidak perlu ada sebarang bukti tetapi cukup beliau setuju yang membolehkan darurat diisytiharkan sebagai zon darurat tanpa had keluasan sama ada satu bandar atau negeri.

"Di bawah perintah darurat ini, perintah berkurung dikenakan, orang ramai boleh ditangkap, rumah atau bangunan boleh digeledah tanpa apa-apa waran. Harta benda termasuk

tanah mana-mana pihak boleh dirampas pasukan keselamatan tanpa melalui mahkamah.

"Sesiapa yang menghalang atau tidak mengikut perintah boleh dihukum dan dimasukkan ke dalam penjara. Ini tidak pernah berlaku. Mana ada kuasa yang sebegini mutlak dipusatkan di tangan Perdana Menteri," kata Tian Chua kepada Selangor Kini, pada 8 Disember lalu.

Beliau berkata, ia jelas membuktikan MKN adalah undang-undang yang paling menindas seperti dilakukan dalam negara dikuasai kerajaan junta tentera.

Katanya, undang-undang yang mengancam hak asasi manusia itu juga menafikan hak perlembagaan dan mengambil kuasa Yang Dipertuan Agong seperti yang disebut kebanyakan penganalisa, baru-baru ini.

"Langkah ini menyebabkan semua kuasa dipusatkan pada tangan Perdana Menteri dan tidak memerlukan kebenaran Yang Dipertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat," katanya.

Langkah ini menyebabkan semua kuasa dipusatkan pada tangan Perdana Menteri dan tidak memerlukan kebenaran Yang Dipertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat

TIAN CHUA
Ahli Parlimen Batu

Terdahulu, wakil kerajaan BN di Dewan Rakyat tergesa-gesa membentangkan RUU MKN sebelum diluluskan dengan undi-undi belah bahagi yang menyaksikan 107 Ahli Parlimen bersetuju dan 74 lagi menolak.

RUU itu diperkenalkan ketika kredibiliti Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berada pada paras paling lemah ekoran pelbagai skandal membabitkan beliau dan dicabar pelbagai pihak dalam serta luar Umno sendiri.

Salah guna SOSMA, apa lagi MKN

SHAH ALAM - Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (MKN) disalahgunakan pemerintah seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang digubal khusus bagi menangani ancaman keganasan.

Ahli Parlimen Batu, Tian Chua, berkata keraguan itu dikukuhkan lagi apabila sejarah membuktikan kerajaan mempunyai

kecenderungan menggunakan akta tertentu seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi memberi tekanan politik terhadap ahli politik pembangkang.

"Ini bahaya. Kita sudah lihat akta digubal dengan tujuan spesifik bagi menangani pengganas juga boleh disalahgunakan untuk tangkap pengkritik Perdana Menteri.

"Apatah lagi undang-undang

bersifat menindas ini, sudah tentu rakyat dalam bahaya dan demokrasi kita tidak lagi wujud jika Perdana Menteri diberi kuasa begitu besar," katanya kepada Selangor Kini, pada 8 Disember lalu.

Katanya, Rang Undang-Undang yang baru diluluskan di Dewan Rakyat itu, jelas menunjukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyedari bahawa majoriti rakyat tidak lagi berpihak kepada beliau.

"Dia juga sedar tidak boleh menjelaskan isu skandal kerana rakyat tidak percaya dan pelbagai cara digunakan untuk menyelamatkan diri tetapi sejarah membuktikan tidak ada diktator yang boleh lawan kekuatan rakyat.

"Memang tepat bila penganalisa dan pemimpin politik mengatakan tindakan ini bermakna mengambil kuasa Yang Dipertuan Agong," katanya.

Umno kena ingat 'dosa' kepada PAS

SHAH ALAM - PAS mengingatkan Umno supaya tidak bermimpi di siang hari dalam soal kerjasama dua parti itu dengan merenung kembali 'dosa' dilakukan Umno terhadap akar umbi parti Islam terabit.

Naib Presiden PAS, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata beberapa perkembangan disebut Datuk Seri Najib Razak bukan petunjuk kepada sikap PAS sebenar.

Iskandar berkata, Najib perlu sedar daripada mimpi dan menyelesaikan masalah dalam mereka terlebih dahulu yang kini berhadapan konflik melibatkan Timbalan Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Jangan guna PAS sebagai 'smokescreen' menutup masalah Umno. Seluruh dunia mendengar ucapan Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, malam tadi (7 Disember).

"Ternyata Umno berhadapan dengan krisis dalaman serius seperti 1998 dan 1988," katanya dalam satu kenyataan, pada 8 Disember lalu.

Najib dalam satu kenyataan menyifatkan langkah PAS yang tidak menolak Rang Undang-Undang Perbelakian 2016 ketika persidangan Dewan Rakyat, pada 16 No-

Ternyata Umno berhadapan dengan krisis dalaman serius seperti 1998 dan 1988

ISKANDAR SAMAD
Pesuruhjaya PAS Selangor

umber lalu menggambarkan tanda menggalakkan ke arah kerjasama antara dua parti Melayu itu.

Iskandar yang juga Pesuruhjaya PAS Selangor, berkata mustahil bagi akar umbi PAS untuk memaafkan Umno tambahan parti itu hanya mencari mereka apabila tertekan.

"Ahli PAS atau keluarga mereka dinafikan pelbagai peruntukan atau bantuan yang seharusnya diterima sebagai warganegara sah di negara ini.

"Penjawat awam condong PAS diberi amaran, diugut atau dipindahkan. Gerai peniaga yang menyokong PAS dirobohkan. Aktivis PAS ditahan, malahan ada yang meninggal dunia akibat tahanan itu.

"Kelantan di anak tiri sejak penubuhan kerajaan PAS yang pertama dalam 1959, manakala kerajaan PAS Terengganu dinafikan hak kepada royalti petroleum," katanya.

TINJAUAN ORANG RAMAI
KENAIKAN TAMBANG PENGANGKUTAN

Kenaikan tambang pengangkutan awam dan barangan keperluan harian memberi bebanan tambahan kepada rakyat yang berdepan kos sara hidup tinggi pada masa kini.

Lepas satu, satu naik. Ia mendatangkan kesusahan kepada rakyat terutama bagi mereka berpendapatan rendah dan sederhana. Anak muda yang baharu bekerja tentu menghadapi kesukaran dengan keadaan ini.

Fahimuddin Kassim, 24

Segala perbelanjaan akan terus meningkat dan ia mengedilkan kuasa membeli orang ramai. Pengangkutan awam antara penyelesaian terbaik mengurangkan kesesakan trafik dan menjimatkan kos. Tetapi, kini ia bukan lagi pilihan terbaik kepada rakyat kerana kosnya semakin tinggi.

Badrul Azhar Azni, 23

Ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah terpaksa mengeluarkan belanja lebih untuk menampung sebarang kenaikan. Jika semuanya naik dan gaji masih kekal ditakuk lama, bagaimana rakyat boleh hidup harmoni.

Mohamad Hafiz Azizi, 16



OLEH SYASYA SUFIAN

KUALA SELANGOR - Kerajaan Negeri sudah memperuntukkan RM40.48 juta untuk pembangunan ekonomi nelayan, petani dan penternak meningkatkan kemahiran dalam penggunaan teknologi yang berinovasi.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata 2016 menjadi fokus utama untuk merevolusikan pembangunan desa dan luar bandar.

"Ia sebagai tanda komited untuk menyuntik dinamisme ekonomi, sosial dan infrastruktur di luar bandar.

"Sebanyak RM10 juta untuk kerja menaik taraf dan membaik pulih jalan kampung dan RM5 juta untuk kemudahan asas desa termasuk baik pulih balai raya serta jambatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Perasmian Program Pelepasan Ikan dan Cabaran Memancing Ban Canal 2015 di Sawah Sempadan, Kuala Selangor, di sini,

Bantu ekonomi nelayan, petani dan penternak

RM40.4 juta tingkat inovasi kemahiran

pada 13 Disember lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM5.56 juta untuk ekonomi nelayan, petani dan penternak di Selangor.

Zaidy berkata, bagi bantuan kepada nelayan pantai atau tradisional pula, kerajaan sudah melaksanakan program bantuan sampan, enjin bot, jala dan peralatan menangkap ikan.

"Sejak 2012, lebih 600 nelayan menerima bantuan melibatkan peruntukan RM2 juta.

"Manakala pada tahun ini, RM1.3 juta dibelanjakan untuk Program Bantuan dan Akuakultur Selangor," katanya.



2,000 benih ikan baung dilepas

KUALA SELANGOR - Sejumlah 2,000 benih ikan baung dilepaskan di Blok E dan Blok F Sawah Sempadan, Tanjung Karang, di sini bagi meningkatkan jumlah ikan sungai untuk menambah pendapatan nelayan.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata pelepasan benih ikan itu untuk pembiakan spesies ikan sungai.

"Tujuan utama kita untuk membantu nelayan sungai khususnya menjana pendapatan sampingan memandangkan kos

sara hidup semakin tinggi.

"Ada setengah nelayan sungai di sini yang sememangnya menjadikan mata pencarian rezeki memancing di sungai untuk jualan," katanya pada 13 Disember lalu.

Di daerah Kuala Selangor seramai 25 nelayan sungai berdaftar, manakala seluruh Selangor terdapat 50 nelayan sungai.

Zaidy berkata, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Selangor sudah melepaskan 747,700 benih ikan di sungai, tasik dan takungan umum melibatkan peruntukan hampir RM400,000.

RM500,000 bangunan Kebun Komuniti

BATU CAVES - Sejumlah RM500,000 diperuntukkan Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan program Kebun Komuniti pada suku pertama 2016.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata ia bertujuan mewujudkan aktiviti untuk masyarakat setempat dengan menggalakkan mereka bertani.

Katanya, program itu mendapat kerjasama Jabatan Pertanian Selangor dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kita mahu menggalakkan

pertanian bandar yang memberi manfaat kepada komuniti kerana mereka memerlukan aktiviti.

"Selain merapatkan hubungan sesama masyarakat, program itu juga membantu mereka bertani bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Kempen Jom Guna 2.0 : Projek Pengurangan Sisa Isi Rumah Komuniti Pangsapuri di Pangsapuri Nuri, di sini, pada 12 Disember lalu.

Zaidy berkata, banyak teknologi baru untuk pertani-

an seperti kaedah hidroponik boleh dibangunkan dengan efisien.

Katanya, pelaksanaan program itu dikaji terperinci sebelum diperluaskan ke kawasan lain di Selangor.

"Untuk peringkat awal kita masih mendapatkan maklumat dan kesediaan daripada pihak komuniti untuk lihat sambutan dulu," katanya.

Sebelum ini, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mewujudkan Kebun Komuniti seluas 2.4 ekar di Seksyen 8 selaras dengan hasrat menjadikan ia sebagai kawasan hijau.

Karnival Jelajah Tani buka mata anak muda

KUALA SELANGOR - Karnival Jelajah Tani berjaya menarik minat belia menceburi bidang pertanian sebagai salah satu pendedahan menjana pendapatan.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata ia adalah inisiatif Kerajaan Negeri melaksanakan program Usahawan Agro Generasi Muda (Agro Gem) buat belia khususnya.

"Masih ramai anak muda yang tidak mendapat pendedahan bahawa melalui pertanian mereka boleh mendapat hasil lumayan."

"Agro Gem itu sememangnya menfokuskan anak muda kerana kemelut ekonomi yang kita hadapi menyebabkan kadar pengangguran semakin tinggi," katanya pada 13 Disember lalu.

Katanya, hasil daripada kajian usahawan pertanian menunjukkan penternak dan nelayan kini berjaya serta mampu menerima

hasil lumayan.

Selain itu, Zaidy berkata untuk masyarakat bandar dan orang ramai kini boleh menyertai program Kebun Komuniti dengan bercucuk tanam.

"Lebih 10 peserta menyertai program itu dan kini membuahkan hasil untuk dinikmati di samping dapat mengurangkan kos sara hidup.

"Program itu dipantau dan dibimbing Jabatan Pertanian Selangor peringkat daerah masing-masing," katanya.

Subsidi dan IPH tertunggak

Petani sengsara

OLEH HAFIZAN TAIB

1 Hampir 40% daripada lebih 1,000 petani di Sekinchan dan Sungai Burong belum terima subsidi dan IPH

2 Membabitkan lebih RM2 juta dengan kadar subsidi bagi satu tan adalah RM248.10

SEKINCHAN - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diminta menyelesaikan masalah pembayaran subsidi dan Insentif Peningkatan Hasil (IPH) kepada petani, di sini, yang didakwa tertanggung sejak sekian lama.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim, berkata penyelesaian segera perlu dilakukan dalam isu terbabit kerana petani bergantung harap kepada bayaran subsidi dan IPH bagi meraih keuntungan.

Katanya, segala usaha kerajaan bagi membela nasib petani dialu-alukan, namun berharap perkara itu tidak tertanggung supaya manfaat diperoleh golongan berkenaan.

"Kebiasaannya subsidi ini dibayar dalam tempoh tiga ke seminggu tetapi sekarang sudah lebih sebulan.

"Ini mendatangkan masalah dan kesukaran kepada petani kerana mereka bukan golongan berpendapatan tinggi dan hanya mengharapkan hasil padi," ka-

tanya.

Terdahulu, Suee Lim bersama kira-kira 100 petani dari kawasan itu mengadakan himpunan di hadapan kilang Padiberas Nasional Berhad (Bernas) di sini, pada 10 Disember lalu.

Sue Lim menggesa kementerian mengambil maklum perkara ini dan menyelesaikannya dengan kadar segera.

"Saya juga akan menulis surat kepada kementerian bagi mendapatkan maklumat lanjut," katanya.



Ini mendatangkan masalah dan kesukaran kepada petani kerana mereka bukan golongan berpendapatan tinggi dan hanya mengharapkan hasil padi

NG SUEE LIM
Adun Sekinchan



Abd Halim Awi

Petani mungkin demo di Putrajaya

SEKINCHAN - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani digesa memperjelas status Insentif Peningkatan Hasil (IPH) sama ada masih diteruskan atau sudah dimansuhkan ekoran sudah tertanggung sejak tiga tahun lalu.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim, berkata setakat ini tiada maklumat diperolehi berhubung perkara itu dan berharap kementerian mampu merungkai dengan segera.

"Perkara ini pernah berlaku satu masa dahulu. Petani demonstrasi, kerajaan terus membuat bayaran dan petani memperoleh bayaran ribuan ringgit tetapi kini berulang kembali.

"Mungkin menteri sendiri tidak mengetahui perkara ini dan saya harap ia mendapat perhatian

untuk segera diatasi," katanya.

Suee Lim tidak menolok kemungkinan petani akan mengadakan himpunan beramai-ramai di Putrajaya jika perkara itu tidak diselesaikan segera.

"Kita nak selesaikan masalah tetapi jika tidak selesai dalam seminggu ini maka mungkin ia berlaku," katanya.

Petani umpama kerja enam bulan tanpa gaji

SEKINCHAN - Petani mengalami kekecewaan dengan pemberian subsidi ekoran terpaksa menanggung pelbagai masalah dalam usaha penanaman padi.

Abd Halim Awi, petani dari Sungai Burong, berkata keuntungan diraih petani amat sedikit dan pemberian subsidi itu memang banyak membantu serta memberi untung kepada mereka.

"Isu dihadapi kini boleh diandaikan seperti petani bekerja enam bulan tanpa gaji," katanya ketika ditemui Selangor Kini selepas meng-

hadiri himpunan di hadapan kilang Padiberas Nasional Berhad (Bernas), 10 Disember lalu.

Halim berkata, kadar sewa tanah tinggi dikenakan tuan tanah juga menekan petani yang selama ini bergantung harap kepada subsidi untuk menampung kos.

"Dalam satu hektar anggaran bayaran subsidi kira-kira RM2,000 tetapi bila bayaran tertanggung maka banyak kos terpaksa ditanggung.

"Ini ditambah dengan kadar sewa sawah sekitar RM4,000 hingga RM4,500 semusim untuk dua tahun. Bila tidak dapat subsidi maka banyak masalah berlaku," katanya.

Sementara Sidang Kampung Parit Lapan, Sungai Lima, Samudin Abdullah, berkata keadaan kini amat mendesak ekoran majoriti petani golong-



Samudin Abdullah

an miskin.

"Saya sangat kecewa kerana isu ini memberi masalah kepada golongan petani. Ini kerana kita terpaksa menanggung banyak kos yang perlu dilunaskan," katanya.

Kira-kira 100 petani, di sini, mengadakan himpunan bantahan di hadapan kilang Padi beras Nasional Berhad (Bernas) disini bagi menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap perkara berkenaan.





SELANGOR AGROFEST

adalah program tahunan Kerajaan Selangor sejak 2011 bagi memperkasa dan merancakkan sektor pertanian di negara ini.

Bakal berlangsung di Stadium Kuala Selangor, Agrofest 2015 dengan tema 'Memici SmartAgro Yang Peduli' memberikan peluang kepada pengunjung melihat sendiri Piala Malaysia yang dimenangi Red Giants dalam Jelajah Piala Malaysia pada 18 Disember ini bermula jam 3 petang sehingga 5 petang.

Turut diadakan Seminar Walk-In dengan membawa lapan tajuk berlainan. Penumpuan kali ini kepada memperkasa pertanian untuk generasi muda.

'Road to Agrofest' dibuat sebelum ini di DUN Sungai Burong, Permatang, Templer dan Tanjung Sepat.

Selain 2000 kit pertanian, pengunjung juga berpeluang membawa hadiah cabutan bertuah iaitu motosikal dan perkakas elektrik.

Antara aktiviti menarik pesta makan buah-buahan, demo pembenihan ikan, memancing udang galah, helikopter joyride tour.

Program empat hari bermula 17 hingga 20 Disember turut memuatkan acara pentas seperti juara chef Selangor, dikir zikir KS berselawat, konsert dakwah dan pameran ikan paus.

Datanglah beramai-ramai untuk menyertai pelbagai aktiviti menarik selain mendapat maklumat berkenaan pertanian, perikanan dan penternakan pelancongan.





Selangor
Agrofest
2015



Selangor Agrofest

17-20 DISEMBER 2015
STADIUM KUALA SELANGOR

雪兰莪州农业节

சிலாங்கூர் வேளாண் விழா

Memacu SmartAgro Yang Peduli



CABUTAN BERTUAH
untuk dimenangi!

agronomy, agrotourism, agrobusiness
agroforestry, agritech, agroecology

19 DISEMBER
SABTU

Treasure Hunt - Cabaran Pertanian
9.00 am - 12.00 pm



17 DISEMBER
KHAMIS

Pertandingan Memasak | JUARA CHEF SELANGOR
Peringkat Saringan
10.00 am - 12.00 pm



Sembang Usahawan Muda
Penternak Muda Berjaya | Petani Muda Berjaya |
Usahawan Tani Berjaya
10.00 am - 11.00 am

Seminar (Walk In)
AgroGems

Pertandingan Memasak | JUARA CHEF SELANGOR
Peringkat Akhir
5.00 pm - 6.30 pm

- Temakan Kelulut
- Potensi Agro Bandar
- Pestisid Bio-pest Repellent
- Pertanian Darat & Sungai
- Perniagaan Francais

Majlis Perasmian Oleh Y.B. Tuan Hj. Zaidy Abdul Talib
(Pengarah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Perumahan Pertanian & Industri Asas Tani)
Penyampaian anugerah/Penyampaian Bantuan/
Sumbangan AgroGems
2.00 pm - 4.00 pm

18 DISEMBER
JUMAAT

Tanyalah Ustazah bersama
Ustazah Zawiah Hassan | Salima Habibi
10.00 am - 12.00 pm

- Generasi Petani Muda
- Usahawan Ternak
- Amalan Akuakultur Baik

Demonstrasi oleh Bomba dan PDRM
Persembahan Rakyat
5.00 pm - 6.30 pm



Sembang
SANTAI



Tanyalah
USTAZAH

Konsert Gua Rock, Aku Pop tapi...
Ustaz Robby | Mel Wings | Adam Corrie
8.00 pm - 10.00 pm



Konsert

SAF2015 Fun Ride @ Kuala Selangor
8.00 am - 12.00 pm



Fun Ride
cycling

UNIC Ijam
Medicine

Majlis Penyerahan Skim Mesra Usia Emas
5.00 pm - 6.30 pm



AS-SALAM BUCKERS

Kuala Selangor Berselawat
7.30 pm - 8.30 pm

Tazkirah + Busking (TAKZING)
Ustaz Yusri Abdul Karim
Ijam Medicine | UNIC |
Buskers As-Salam
9.30 pm - 11.00 pm

PELBAKAI AKTIVITI MENARIK

- Industri Asas Ternak (IATn)
- Aktiviti Berkuda & Memanah
- Pameran Rangka Ikan Paus
- BERMUDA PEMERANAN IKAN
- Program Cat Adoption
- Memancing Udang Galah
- KLINIK USAHAWAN | Jualan Benih & Anak Pokok | Pameran Jentera | Promosi VETMART
- Helicopter Joyride Tour

Semua Dijemput Hadir
Masuk PERCUMA

Pertandingan 'Kucingku'
Pertandingan Mewarna
9.30 am - 1.00 pm



Coloring
Contest

Kuliah Dhuha
S.S. Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
11.00 am - 12.00 pm



Kuliah Dhuha
PERDANA

Celoteh Dapur #Membina Ummah Bermula Dari Dapur
Bersama Chef Zin & Ustaz Halim Hafidz
2.00 pm - 4.00 pm



Celoteh Dapur

Back To School
4.00 pm - 5.00 pm

Pesta Makan Buah-Buahan Tempatan
Dan Produk Pertanian
5.00 pm - 6.30 pm



Anjuran
Kerajaan Negeri Selangor
Dengan Kerjasama :





Hampir 30 tahun berkhidmat di Selangor

Persaraan tak halang Khusrin terus berbakti

Ikhlas dan komited dalam melakukan tugas menjadi prinsip Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawi untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada Kerajaan Selangor. Ketiadaan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) itu melaksanakan tanggungjawab menjadikan beliau disegani ramai terutama dalam kalangan penjawat awam. Bakal menamatkan perkhidmatan secara rasmi pada 3 Januari 2016, Mohammed Khusrin berharap usaha beliau dapat diteruskan pada masa hadapan. Ikuti temubual wartawan Selangor Kini, AFEEDA AFEERA bersama beliau di pejabatnya di Bangunan SUK, di sini, pada 15 Disember lalu.



Boleh ceritakan pengalaman Dato' Setia selepas hampir 30 tahun berkhidmat di Selangor?

Saya mula berkhidmat di Selangor sejak Jun 1986 dan hujung tahun ini genap lima tahun sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dengan menempuhi pelbagai pengalaman pahit manis.

Tugas pertama saya adalah sebagai Penolong Setiausaha Sektor Pertanian di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) pada 1986. Ketika itu kakitangan tidak ramai iaitu empat pegawai dan empat kerani.

Berbeza dengan apa dilihat sekarang, bilangan kakitangan semakin bertambah dan ia satu perkembangan baik. Saya percaya ia dapat membantu penjawat awam merancang pembangunan dengan lebih teratur dan sistematik.

Dahulu, beban kerja begitu besar kerana perlu berkhidmat kepada Exco berkaitan dan banyak mesyuarat untuk menyelaraskan permohonan diluluskan pada ketika itu.

Apakah budaya kerja atau prinsip diamalkan untuk memastikan kualiti kerja terbaik?

Sebagai penjawat awam, pelaksana dan perancang, kita melaksanakan apa juga dasar Kerajaan Negeri dengan ikhlas tanpa melibatkan diri dalam politik kerana ia sering bertukar.

Kita perlu lakukan tugas sebaiknya dan memberi komitmen selagi apa yang diarahkan tidak bercanggah dengan per-

aturan atau undang-undang.

Saya memegang prinsip mudah iaitu kita tidak boleh menyebelahi mana-mana parti politik dan menjalankan tugas dengan bertanggungjawab juga amanah dalam memberi perkhidmatan sepenuhnya kepada kerajaan pemerintah ketika itu.

Dilantik sebagai SUK pada 2011, apakah fokus utama Dato' Setia ketika itu?

Pada peringkat awal pelantikan, saya memang berdepan sedikit kontroversi jadi tugas utama ketika itu adalah menyetujui pegawai kerajaan supaya fokus ke hadapan.

Krisis yang berlaku ketika itu adalah perkara luar daripada jangkaan dan saya perlu menghadapinya, namun saya bersama pegawai lain bekerjasama menjalankan perkhidmatan.

Ia selaras dengan prinsip profesional diamalkan, jadi isu pelantikan SUK tidak perlu diperbesarkan sebaliknya kita perlu bersama walaupun tim-

bul masalah.

Apabila diarahkan untuk melakukan sesuatu, saya akan ikut sahaja dan memberikan yang terbaik.

Adakah kontroversi ketika awal pelantikan memberi tekanan kepada Dato' Setia?

Tidak dinafikan pada peringkat awal memang menimbulkan ketegangan berikutan saya diarah untuk dilantik sebagai SUK dan berhadapan situasi tidak diterima hampir sebulan.

Saya tidak dapat menjalankan tugas yang sepatutnya, jadi saya terima perkara itu sebagai satu cabaran dan tugas saya adalah membuktikan boleh bekerja dengan baik.

Selepas peristiwa itu, saya diterima untuk menduduki mesyuarat Exco dan menjalankan tugas mengikut kemampuan serta memberi kepercayaan kepada mereka bahawa saya tiada kepentingan.

Saya hanya buat kerja berdasarkan tanggungjawab diberi dan serahkan kepada pen-

tadbiran Kerajaan Negeri sama ada mereka berpuas hati atau tidak.

Alhamdulillah, selepas beberapa lama mereka menerima saya dengan baik dan dapat bekerjasama walaupun pada peringkat awal mereka sangsi akan kebolehan saya.


Apakah cabaran apabila berhadapan karenah penjawat awam?

Jumlah kakitangan awam di Selangor lebih 20,000, jadi saya terima banyak maklum balas daripada wakil rakyat dan masyarakat bahawa mereka culas dan tidak mengikut waktu kerja.

Ini adalah tanggungjawab saya sebagai ketua untuk memberi kesedaran kepada mereka dan perlu menyelesaikan masalah berbangkit.

Sebagai penjawat awam, kita perlu memastikan sistem kerja dilaksanakan dengan baik dan cekap, sebab itu perlu membuat kejutan kepada mereka.

Budaya leka bekerja perlu



PROFIL

NAMA
Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawi

UMUR
59 tahun

TARIKH LAHIR
20 September 1956

TEMPAT KELAHIRAN
Jalan Kebun, Klang

NAMA ISTERI
Datin Setia Zuraida Kamaludin

KELULUSAN AKADEMIK
● Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) UKM 1980
● Diploma Pengurusan Awam (DPA) INTAN 1983

KURNIAAN
● Darjah Kebesaran Dato' Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S) Selangor Tahun 2006

● Darjah Kebesaran Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S) Selangor Tahun 2015

dibanteras, saya hanya melakan dan berharap setiap ketua jabatan dapat memantau kakitangan masing-masing serta mematuhi peraturan ditetapkan.

Ini adalah amanah yang akan disoal di akhirat kelak berkenaan tanggungjawab ketika di dunia.

Adakah keculasan penjawat awam berjaya diatasi selepas kaedah 'kejutan' dilakukan Dato' Setia?

Perubahan budaya tidak boleh berlangsung dalam waktu singkat, tetapi Alhamdulillah apabila kejutan dilakukan dengan turun padang nampak sedikit perubahan.

Dulu mereka suka melepak di kafeteria, kini amalan itu semakin berkurangan. Cuma, saya harap usaha itu dapat diteruskan dengan kerjasama semua pihak.

Ketua jabatan perlu memastikan kakitangan mereka berada di tempat kerja dan tahu apa mereka buat ketika waktu pejabat untuk membuang persepsi negatif rakyat.

Apakah kelebihan bekerja di bawah Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali?

Saya pernah berkhidmat dengan beberapa Menteri Besar Selangor sebelum ini dan



setiap seorang daripada mereka mempunyai cara tersendiri. Seperti Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, beliau membawa imej korporat dan cuba menerapkan budaya itu dalam perkhidmatan awam dan berlaku kejutan dalam kalangan penjawat awam ketika itu.

Ada yang merasakan kurang senang ekoran pendekatan tegas digunakan dan adakala penjawat awam merasa kecewa serta terasa hati dengan budaya berbeza itu.

Tetapi Alhamdulillah, selepas pentadbiran diambil alih Mohamed Azmin, suasana sekarang lebih baik dan mesra

“**Saya belum ada perancangan lagi setakat ini kerana mahu berehat terlebih dahulu dan akan fikirkan sumbangan kepada Kerajaan Negeri selepas ini**”

kerana beliau lebih menghormati penjawat awam.

Kita bekerja dengan lebih berlapang dada, ikhlas dan mudah tanpa rasa tertekan. Hubungan dengan Menteri Besar juga agak baik berbanding agak tegang sebelum ini.

Pengalaman pahit dan manis sepanjang berkhidmat sebagai SUK?

Belum pernah berlaku dalam sejarah apabila SUK dilantik, timbul kontroversi tidak sepatutnya sedangkan perkara itu boleh diselesaikan melalui perundingan dan perbincangan.

Itu yang saya cuba buat ketika ini supaya peralihan jawatan SUK dapat berlaku dengan baik supaya isu yang pernah dihadapi saya tidak timbul.

Itu satu pengalaman yang cukup pahit dan tidak pernah berlaku di Malaysia apabila berada di dada akhbar setiap hari.

Tetapi, saya terima dengan hati terbuka dan ia sudah menjadi sejarah dalam hidup.

Pengalaman manis pula adalah berpeluang berkhidmat dengan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sebagai Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan SUK.

Dalam suasana pentadbiran baru, hubungan baik juga berjaya diwujudkan antara istana dengan Kerajaan Negeri dan ia menjadi pengalaman paling bermakna dalam hidup saya.

Pandangan Dato' Setia berkenaan prestasi Kerajaan Selangor hari ini?

Selangor memiliki sumber kewangan kukuh termasuk kedudukannya yang strategik dan ia boleh ditingkatkan (pembangunan) dengan adanya kerjasama baik antara semua pihak.

Saya nampak trend yang ada

sekarang adalah beberapa Ahli Majlis di pihak berkuasa tempatan (PBT) cuba menyekat pembangunan dan ia sangat membimbangkan.

Keadaan ini bahaya kerana banyak projek berdepan kelewatan ekoran berlaku bantahan tidak sepatutnya.

Kita tidak mahu terlalu banyak kerana birokrasi kerana jika mahu maju ke hadapan, kita perlu buat keputusan cepat.

Jika projek itu membabitkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan demi kepentingan rakyat, maka kita perlu memberi sokongan sepenuhnya seperti mengatasi kesesakan jalan raya.

Apakah lagi misi yang belum dicapai sebagai SUK?

Banyak lagi belum dicapai ekoran masa terhad. Saya ingin melihat PBT dan penjawat awam khususnya lebih telus dalam membantu rakyat.

Ada dalam kalangan kita yang cuba melengahkan atau menambah syarat kelulusan kepada pemaju, jadi saya tidak dapat mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan itu.

Walaupun pihak atas membuat kesilapan, tetapi kita tidak dapat mengambil tindakan berikutan kuasa terletak di bawah PBT berkenaan.

Kita perlu mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan PBT supaya mereka yang bermasalah boleh ditukar tetapi mungkin suatu masa nanti ia boleh diteliti.

Apakah perancangan selepas bersara?

Saya belum ada perancangan lagi setakat ini kerana mahu berehat terlebih dahulu dan akan fikirkan sumbangan kepada Kerajaan Negeri selepas ini.

Saya mahu menghabiskan masa bersama keluarga selepas ini sebab tempoh 30 tahun lalu tidak memberi perhatian atau komitmen kepada mereka atas kesibukan tugas.

Saya juga ingin mengambil kesempatan memohon ampun dan maaf kepada semua kakitangan awam di Selangor dan Menteri Besar yang memberi sokongan padu.

Saya memohon maaf atas kelemahan yang ada kerana apa yang baik datang daripada Allah SWT dan kekurangan datang daripada diri-sendiri.

Saya teruja dapat bekerja dengan Mohamed Azmin kerana beliau memberikan ruang untuk melontarkan pandangan serta pendapat bagi memastikan pembangunan di Selangor berjalan dengan baik.



Detik paling sukar seumur hidup

Nurul Nuha kembali rasai eratnya dakapan 17 tahun lalu

OLEH NAZLI IBRAHIM

Tayangan video berdurasi lebih lima minit itu membawa dia kembali ke satu detik yang paling tidak dapat dipupakan seumur hidupnya. Detik yang berlaku ketika dia hanyalah seorang gadis kecil berumur 14 tahun dan itulah yang alhimiya mengubah segala-galanya, meragut belaian kasih seorang papa pada anaknya. Dia masih teringat detik mencemaskan itu. Dia masih teringat dentuman kuat apabila pintu dipatahkan lelaki bertopeng yang lengkap bersenjata automatik. Orang ramai mula berasak-asak dan keadaan mula kelam kabut dan tegang. Laungan zikir Laila-hailallah dan reformasi bergema di segenap ruang sempit itu. Pada masa itu, dia bersama adik-beradiknya yang lain dapat melihat lelaki, perempuan, tua dan muda yang tidak pernah dikenalnya turut sama meratapi de-

ngan berjuraian air mata memikirkan nasib yang bakal menimpa papanya. Keadaan semakin berasak-asak, orang ramai seolah-olah enggan memberi laluan kepada anggota polis bertopeng membawa papanya pergi. Mujur papanya berjaya menenangkan orang ramai yang berada di situ. Selepas bercakap dengan beberapa lelaki berseragam lengkap pegawai polis, papanya naik ke atas untuk menunaikan solat. Selesai bersolat, tiada apa yang sempat dicapai melainkan beberapa keperluan asas dan senaskhah Al-Quran. Sebaik papanya turun ke bawah, papanya mendakap erat mereka anak-beranak. Dakapan papa pada malam itu dirasakannya lebih erat daripada biasa. Papa seolah-olah enggan melepaskan dakapannya dan begitu juga mereka enggan melepaskan papa pergi. Namun, apakah daya dakapan



erat papa akhirnya terlerai juga kerana sentapan kuat lelaki bertopeng itu. Papa yang dikepung lelaki bertopeng akhirnya melangkah pergi sebagai pahlawan.

Tayangan video terhenti. Tanpa disedari matanya bergenang. Pada saat ini juga, gadis kecil yang kini sudah dewasa dan memahami erti perjuangan papanya, dapat merasakan semula hangatnya dakapan erat malam 20 September, pada 17 tahun lalu.

Dakapan itu sangat dirasakan pada malam ini, membakar semangat yang ada dalam dirinya menjulang api perjuangan meneruskan legasi papanya.

Fahamlah dia, sesungguhnya hari ini dan ketika ini kerinduan mereka terhadap belaian kasih seorang papa semakin tidak tertahan-tahan lagi.

Tanggal 6 Disember lalu, genap 300 hari Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi tahanan politik gara-gara ketakutan pemerintah terhadap obor perjuangan rakyat yang diujungnya, sejak 17 tahun lalu.

Bagaimanapun anak keduanya, Nurul Nuha, berkata percaturan pemerintah memenjarakan Anwar buat kali ketiga bagi tujuan mereka kebangkitan rakyat adalah kesilapan kerana ia memarakkan lagi obor kebangkitan mereka.

"Melihat semula adegan papa ditahan tadi amat menyentuh perasaan kami adik-beradik. Sebelum papa dibawa pergi memang dia dakap kami erat sebelum ditarik.

"Dakapan papa pada masa itu memang sungguh erat dan kuat menyebabkan kami tidak dapat lupa sampai sekarang dan pada malam ini pelukan malam 20 September iaitu 17 tahun lalu itu le-bih dirasai," kata Nuha dengan suara tersekat-sekat.

Nurul Nuha berkata demikian

kepada Selangor Kini pada program 'Hari ke-300 Pembenjaraan Anwar, Rakyat Masih Bersamamu' di hadapan Penjara Sungai Buloh.

Nurul Nuha juga sempat mengimbau kembali keseimbangan mereka sekeluarga memuncak selepas mendapati mereka 'kehilangan' Anwar untuk beberapa hari sebelum papanya muncul kali pertama di mahkamah dengan mata yang lebam.

"Pada malam itu, kami dibawa menaiki van tetapi ketika perjalanan, van berhenti dan kami diberitahu papa perlu ditukar ke kenderaan lain, sebuah kereta yang bukan kereta polis.

Bila kami tanya kenapa, mereka tidak memberikan sebarang alasan cuma beritahu kita akan berjumpa di Bukit Aman.

"Setiba di Bukit Aman, kami diberitahu papa tidak ada di situ. Kami tidak tahu di mana papa sehingga beberapa hari kemudian papa dibawa ke mahkamah.

"Rupa-rupanya pada malam itu, papa dipukul setengah mati oleh (Ketua Polis Negara ketika itu) Tan Sri Rahim Noor," katanya.

Nurul Nuha turut mengingatkan rakyat supaya tidak berputus asa meneruskan perjuangan membebaskan negara ini daripada cengkaman ahli politik korup dan zalim.

"Rakyat Malaysia janganlah berputus asa, teruskan perjuangan sehingga menang. Papa sanggup dipenjarakan kerana tidak mahu berkompromi dengan diberikan kelesaan dan kemewahan demi rakyat Malaysia.

"Jangan sia-siakan pengorbanannya itu," kata Nurul Nuha.

Fasa 1
Buka Untuk Jualan



Lake Point Residence
Cyberjaya

Tanggapan Yang Abadi

Daya Tarikan Kediaman

Lake Point Residence menawarkan kediaman di lokasi utama Cyberjaya. Sesungguhnya kondusif dari segi pembangunan, 13 ekar tanah ini memberi ketenangan hidup dengan landskap yang rapi. Lokasi strategik ini adalah daya tarikan kepada penghuni Lake Point Residence.

Harga daripada RM790,000*



PEGANGAN BEBAS

RUMAH TERES 3 TINGKAT
Keuasan Tanah:
92' x 71' / 22' x 20' / 24' x 71'



www.lakepointresidence.com.my

1-800-888-566 / 019-217 8833 / 019-321 3377

YANJIAN GROUP Eastern Corridor Sdn. Bhd. No. 188, Jalan Tun Razak, 69000 Kuala Lumpur. Tel: +603-2114 0808 / 03 21817678 Fax: +603-21817799 Email: info@lakepointresidence.com

SUNWAY
eastwood
@ Puchong South

Milikilah Kediaman Idaman Anda Hari Ini!

UNIT BUMIPUTRA SAHAJA

Hanya **2km** ke simpang **MEX**

RUMAH BERKEMBAR & SUPERLINK



www.sunwayproperty.com/eastwood ☎ **019 3811 832**

Sunway Eastwood Sdn Bhd (96428-7)
Lobby Level, Menara Sunway,
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway,
47500 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03-5639 9000

Sales Gallery :
Sunway Eastwood Gallery,
Jalan Equine 3, Taman Equine,
43300 Seri Kembangan, Selangor.



Sunway Property
You Sunway Property

• Developer: Sunway Eastwood Sdn Bhd • Lobby Level, Menara Sunway, Jalan Lagoon Timur, 47500 Bandar Sunway, Selangor DE • Developer's License No.: 11716-1/12-2015/02529(L) • Validity Period: 21/12/2014-20/12/2015 • Advertising & Sales Permit: 11716-1/12-2015/02529(P) • Validity Period: 23/12/14 to 20/12/15 • Tenure of Land: Leasehold 99 years (Expiring on 25 June 2112) • Land Encumbrances: Alliance Bank Malaysia Berhad • Redaction in interest: The land shall not be transferred, leased or charged without prior approval by the State Authority. Phase 1G (Semi-D) • Building Plan Reference No.: MP9J/BGN/KW/C-9/58 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: September 2017 • Semi-D (Type E), 11 units, Price: RM2,745,000 (min) – RM3,372,000 (max) • Semi-D (Type F), 18 units, Price: RM2,451,000 (min) – RM2,880,000 (max) • Developer's License No.: 11716-2/02-2016/0140(L) • Validity Period: 15/02/2014-14/02/2016 • Advertising & Sales Permit: 11716-2/02-2016/0140(P) • Validity Period: 15/02/2014 to 14/02/2016 Phase 3 (Park Villa) • Building Plan Reference No.: MP9J/BGN/000-1/10/4 (BP6-5) • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected • Date of Completion: February 2017 • Park Villa (Type A): 25 units, RM1,430,000 (min) – RM1,896,000 (max), Park Villa (Type B): 36 unit, RM1,495,000 (min) – RM1,832,000 (max), Park Villa (Type C): 5 unit, RM1,273,000 (min) – RM1,681,000 (max) • Bumiputra discount of 7% • The Information contained herein is subject to change without notification as may be required by relevant authorities or the developer's consultant and cannot form part of an offer or contract. Actual built-up of units may vary slightly from measurements given. Whilst every care is taken in providing this information, the owner, developer, managers cannot be held liable for variations. All illustrations and pictures are artist's impressions only. The items are subject to variations, modifications and substitutions as may be recommended by the Company's consultants and/or relevant Approving Authorities.

SUNWAY®

OLEH SYA SYA SUFIAN

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melancarkan Pusat Pengkomposan Sisa Makanan Pasar Moden Seksyen 6, di sini, sebagai inisiatif mengurangkan pembuangan sisa pepejal.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad (*gambar*), berkata projek perintis itu membolehkan sisa makanan diurai menjadi baja organik menggunakan mesin berteknologi hijau.

"MBSA memilih tapak pasar terbabit sebagai Pusat Pengkomposan Sisa Makanan kerana ia mengeluarkan sisa pepejal tertinggi setiap hari.

"Kita menempatkan dua unit mesin bernilai RM420,000 sejak Oktober lalu bagi mengurangkan kadar pencemaran alam sekitar

Pusat Pengkomposan Sisa Makanan Pasar Moden Seksyen 6

Inisiatif kurang buang sisa pepejal

akibat sampah sarap dan limpahan air 'leachate' serta menjimatkan kos pelupusan yang ditanggung MBSA," katanya ketika pelancaran pusat itu, pada 8 Disember lalu.

Difahamkan, MBSA adalah pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama yang melaksanakan program itu dengan kerjasama Syarikat Mentari Eko Sdn Bhd



Mesin itu boleh menampung sisa sayur, ikan dan buah sebanyak 250 kilogram selain berkeupayaan memproses sisa pepejal terbabit selama 12 jam untuk menghasilkan baja kompos.

Katanya, laporan rekod sampah yang diperoleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam mendapati sisa pepejal mencatatkan pengura-

ngan kepada 58.5 tan berbanding 63.3 tan, pada Oktober lalu.

"Kita dapat menjimatkan kos pelupusan sampah hampir RM1,936 sebulan. Kita juga berhasrat memperluaskan penggunaan mesin pengkomposan itu di setiap pasar dan gerai milik MBSA di samping mengkomersialkan baja organik yang terhasil," katanya.

MiniZeebee lahir masyarakat kreatif



SHAH ALAM - Pertandingan Zon Bersih Mini (MiniZeebee) 2015 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mendidik masyarakat memahami isu perubahan cuaca.

Ketua Komunikasi Korporat MBSA, Shahrin Ahmad, berkata penganjurannya itu landasan melahirkan masyarakat kreatif dan inovatif dalam menghasilkan Projek Kejiranan Hijau.

"Pertandingan itu memberi peluang kepada komuniti membentangkan hasil projek berlandaskan Garis Panduan Kejiranan Hijau yang dilaksanakan di setiap zon Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) bagi memberikan pengiktirafan kepada komuniti.

"Ia juga dianjurkan dengan objektif utama untuk mewujudkan daya saing dalam kalangan peserta," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Shahrin berkata, MBSA mengadakan Konvensyen Anugerah MiniZeebee 2015 yang disempurnakan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC Convec), Seksyen 14, di sini, pada 5 dan 6 Disember lalu.

"Ia adalah penganjurannya kali ketiga selepas diperkenalkan sejak 2013. Konvensyen itu mendapat penyertaan 22 persatuan penduduk yang mewakili MPP masing-masing dalam tiga kategori dipertandingkan," katanya.

Sebelum itu, peserta dikehendaki menghadiri tiga bengkel anjuran Jabatan Pembangunan Komuniti sebagai panduan dan pendedahan berkenaan program MiniZeeBee sebelum membentangkan hasil projek mereka.

Pengharaman kertas bercetak dikaji

SHAH ALAM - Pengharaman penggunaan kertas bercetak sebagai pembungkus makanan di negeri itu akan dikaji Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata pihaknya akan mengkaji perkara itu terlebih dahulu sebelum memaklumkan kepada Kerajaan Negeri.

Katanya, MBSA perlu menunggu sebarang arahan daripada Kerajaan Negeri untuk sebarang keputusan.

"Ia memerlukan banyak kajian. Contohnya isu penggunaan polisterin, masih di peringkat kajian dan ia perlu dilakukan secara

berperingkat.

"Kena fikir banyak kerana ia membabitkan kilang dan sebagainya. Walaupun jika ia arahan daripada Kerajaan Persekutuan tetapi kita perlu menunggu arahan Kerajaan Negeri," katanya.

Beliau berkata demikian selepas keputusan Perlis untuk mengenakan tindakan undang-undang terhadap mana-mana pengendali makanan yang menggunakan kertas bercetak sebagai pembungkus makanan, berkuatkuasa 1 Januari 2016.

Kertas bercetak didapati mengandungi bahan kimia berbahaya yang menjadi punca kanser berdasarkan kajian toksikologi,

RM10 juta atasi banjir Seksyen 13 dan U1

SHAH ALAM - Sebanyak RM10 juta diperuntukkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi pelaksanaan projek mitigasi banjir di Seksyen 13 dan U1, di sini.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, berkata projek mitigasi itu membabit-

kan dua pembinaan kolam takungan yang bakal dilaksanakan di tempat letak kereta Stadium Shah Alam dan menaiktaraf sebuah kolam takungan di Seksyen 13.

Katanya, tujuh pam air baru dibeli untuk ditempatkan di kawasan rendah antaranya di hadapan Wisma Rozali.

"Minggu lalu, kita sudah bentangkan kertas kerja kepada Kerajaan Negeri dan kelulusan sudah diberikan. Kos sepenuhnya ditanggung MBSA.

"Bagi kolam takungan di parkir stadium, kawasan tempat letak kereta akan digantikan kepada kawasan sekitar dengan keluasan

sama," katanya ketika ditemui, pada 7 Disember lalu.

Zaharin berkata, bagi perancangan jangka panjang pula membabitkan kerja pengorekan longkang sedia ada di setiap kawasan yang dikenalpasti.

"Pada 2014, kita sudah besarkan longkang di kawasan itu, namun masih tidak dapat menampung kuantiti air yang masuk.

"Sebab itu, kita besar dan panjangkan lagi longkang sedia ada. Masalah banjir ini dapat diatasi sehingga tempoh 20 tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melakukan kerja pengorekan Sungai Damansara kerana ketika ini ia tidak dapat menampung kuantiti air yang masuk.



Bas mesra OKU

RM200,000 naik taraf 15 perhentian

OLEH LIZAWATI MADFA

PETALING JAYA - Sebanyak 15 perhentian bas dinaik taraf Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan peruntukan RM200,000 untuk kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU) menggunakan perkhidmatan itu.

Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin, berkata inisiatif itu memberi peluang sama rata kepada golongan OKU untuk menikmati kemudahan dan infrastruktur awam yang memenuhi keperluan mereka.

Katanya, ia secara tidak lang-

sung turut menggalakkan masyarakat pelbagai golongan menggunakan perkhidmatan awam.

"Diharap, ia dapat meningkatkan kesedaran dan menggalakkan semua lapisan masyarakat sama ada tua atau muda untuk menjadikan aktiviti berjalan kaki sebagai rutin harian mereka.

"Ini pastinya membantu masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat," katanya.

Terdahulu, beliau bersama Ahli Majlis MBPJ, Sia Siew Chin serta lapan golongan OKU merasa pengalaman menggunakan



perhentian bas mesra OKU sempena Hari Orang Kurang Upaya Antarabangsa, di Jalan SS2/55, di sini, pada 3 Disember lalu.

Perhentian bas berkenaan adalah yang pertama; seumpamanya dinaik taraf mengikut reka bentuk antarabangsa yang

menelan belanja RM20,000.

Dari perhentian itu, mereka menaiki bas percuma antara bandar Petaling Jaya ke Pappa Rich, Seksyen 52 untuk bersarapan pagi.

"Ia adalah pengalaman bermakna kepada semua untuk memahami masalah dan keperluan golongan istimewa OKU supaya mereka tidak tersisih dalam masyarakat umum.

"Mudah-mudahan lebih banyak lagi inisiatif dan usaha yang dapat dilakukan bagi memperbaiki perjalanan hidup golongan OKU pada masa akan datang."



Pasukan PANTAS PBT sedang membuat persiapan fizikal sebelum turun padang membantu mangsa banjir

Gerak persiapan awal hadapi banjir

PETALING JAYA - Bilik gerakan Bencana Alam Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dijadikan sebagai pusat pengumpulan maklumat bagi persiapan menghadapi banjir.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain berkata ia berfungsi untuk menyelaras bantuan kecemasan dan bencana merangkumi aspek logistik, kepakaran serta kebajikan.

"Skuad Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) MBPJ digerakkan segera apabila berlaku sebarang bencana alam termasuk banjir yang melibatkan 23 anggota iaitu 19 daripada Jabatan Penguatkuasaan dan empat jabatan lain.

"Mereka ditugaskan secara

'on call basis' pada bila-bila masa bersama Jabatan Kejuruteraan, Landskap, Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam," katanya di sini, pada 1 Disember lalu.

Mohd Azizi berkata, maklumat Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mendapati taburan hujan tahun ini agak luar biasa mencecah kepada 320mm, pada bulan ini.

Katanya, MBPJ juga bersiap siaga untuk menghadapi bencana banjir yang berlaku di kawasan pentadbirannya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) menjalankan kerja pembersihan longkang dan saliran bagi mengatasi masalah banjir.

Petaling Jaya kukuh kerjasama Qingyun dan Saitama

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bakal jalin kerjasama dengan Qingyun (China) dan Saitama (Jepun) selepas Bandung dan bandar raya Asan, Korea.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata MBPJ menerima jemputan lawatan ke bandar itu bagi menjalin hubungan yang memberi manfaat dua hala.

"Untuk permulaan ini, kita menghantar tiga pegawai ke Qingyun untuk melihat keadaan dan mengenali orang di sana, pada bulan ini.

"Seterusnya, tahun hadapan kita ke Saitama bagi tujuan sama," katanya kepada Selangor Kini, pada 1 Disember lalu.

Sementara itu, mengulas lanjut berkenaan perjanjian persefahaman (MOU) MBPJ dengan bandar raya Asan dan Bandung, katanya MBPJ bersama ahli majlis ke sana bagi mewujudkan hubungan lebih baik.



Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd Azizi Mohd Zain di dalam majlis perjanjian persefahaman dengan bandar raya Asan

"Baru-baru ini, kita menerima kedatangan mereka untuk perjanjian MOU dan kini kita pula menerima jemputan untuk melawat bandar mereka.

"Kerjasama ini dilihat memberi manfaat daripada aspek pendidikan, ekonomi, pembangunan, pelancongan dan kebudayaan," katanya.

MPSJ ambil tanggungjawab JKR bina hentian bas

SUBANG JAYA - Sebanyak RM54,000 diperuntukkan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi membina hentian bas di Jalan Kewajipan, di sini.

Adun Subang Jaya, Harnah Yeoh, berkata langkah itu bertepatan dengan keperluan mendesak penduduk yang sebelum ini terpaksa menunggu dan berteduh di tangga jeantas.

"Jalan ini adalah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor, namun mereka tidak

mempunyai peruntukan untuk pembinaan hentian bas.

"Maka, MPSJ mengambil tanggungjawab itu dan JKR pula akan menyelenggarakannya," katanya di sini, pada 4 Disember lalu.

Beliau berkata, kerja membina hentian berkenaan mula dilakukan pada 8 September lalu dan siap sepenuhnya, pada 12 Oktober lalu.

Wakil Jawatankuasa Penduduk Zon 1, Azlifuddin Mohd

Azmin, 50, berkata, hentian bas itu pastinya dapat menjamin keselamatan penduduk terutama pengguna pengangkutan awam.

"Dua tahun lalu, pernah berlaku kemalangan maut melibatkan pelajar sekolah yang menunggu bas di bahu jalan.

"Diharap dengan adanya hentian ini, penduduk akan memanfaatkannya dengan baik dan dapat mengelak sebarang kejadian tidak diingini," katanya.

Ringankan beban mangsa banjir Kuala Selangor

331 keluarga terima bantuan

OLEH LIZAWATI MADFA

KUALA SELANGOR - Seramai 331 keluarga yang juga mangsa banjir di beberapa kawasan di sini menerima Sumbangan Bantuan Bencana daripada Kerajaan Negeri bernilai RM500 setiap keluarga.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata setiap keluarga turut menerima sumbangan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bernilai RM300.

Katanya, mereka yang mempunyai anak yang berdaftar dengan Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) juga bakal menerima sumbangan lain bernilai RM200.

"Syukur Alhamdulillah, banyak agensi membantu mereka yang dilanda kesusahan.

"Mangsa nyata terharu dan gembira kerana merasakan mereka tidak bersendirian ketika susah tetapi terus mendapat sokongan daripada kerajaan," katanya.

Mangsa nyata terharu dan gembira kerana merasakan mereka tidak bersendirian ketika susah

DAYOYAH ALWI
Exco Kebajikan

Belau menyampaikan sumbangan yang diagihkan melalui Pejabat Daerah Kuala Selangor di Dewan Bukit Kuching Tengah, Jeram, pada 7 Disember lalu.

Daroyah berkata, Kerajaan Negeri turut menghargai dan berterima kasih atas peranan sukarelawan dalam membantu mangsa banjir.

"Selain daripada gerak kerja jabatan kerajaan, semangat kemasyarakatan untuk saling membantu yang ditunjukkan sukarelawan nyata aset dan kebanggaan Selangor," katanya.



Sunathon Masjid Negeri-DEMC ringan beban 47 keluarga

SHAH ALAM - Majlis Berkhatan Beramai-ramai 'Sunathon' anjuran bersama Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Hospital Pakar DEMC Shah Alam berjaya meringankan beban 47 keluarga peserta.

Hal itu kerana setiap peserta program hanya dikenakan RM50 sahaja berbanding harga rawatan sebenar yang biasanya melebihi RM100 bagi setiap pembedahan.

Ahli Pemiagaan, Razali Zainal, 48 berkata program seumpama ini perlu diteruskan setiap tahun bagi membantu ibu bapa meringankan beban sebelum menjelang musim persekolahan.

"Saya hanya dikenakan RM100 sahaja untuk khatankan dua anak hari ini berbanding kalau di luar mungkin sehingga RM300," katanya ketika ditemui Selangor kini pada 6 Disember lalu.

Kakitangan kerajaan, Ismail Ahmad, 56, pula memberitahu program yang diadakan dapat mengurangkan rasa takut dalam kalangan kanak-kanak yang mengambil bahagian.

"Bila ramai kawan mereka tidak takut sangat. Ibu bapa



pula boleh saling mengenali, mengeratkan silaturahim sesama kita," katanya.

Anggota tentera, Azman Abu Suid, 38, pula mencadangkan supaya jumlah penyertaan ditambah pada masa akan datang supaya lebih ramai dapat mengambil bahagian dalam majlis itu.

"Majlis seperti ini memang bagus. Jika boleh, jumlah penyertaan ditambah pada masa akan datang kerana dapat membantu keluarga memerlu-

kan," katanya.

Sementara itu, Imam 1 Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Mohd Hata Ahmad, berkata pengurusan masjid akan meneruskan kerjasama dengan DEMC Shah Alam untuk mengadakan program seumpama itu pada masa akan datang.

"Terima kasih kepada DEMC Shah Alam yang hanya mengambil bayaran menampung kos RM50 sahaja untuk membantu ibu bapa meringankan beban," katanya.

40 keluarga terima bantuan

SELAYANG - Seramai 40 keluarga di Kampung Selayang Baru menerima bantuan banjir bernilai RM300 bagi mengurangkan beban mereka.

Majlis penyampaian sumbangan disampaikan Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib kepada Pengerusi Ketua Kampung Daerah Gombak, Jumari Talib bagi mewakili keluarga mangsa banjir.

Zaidy berkata, Kerajaan Negeri komited menanggapi isu banjir kilat dengan peningkatan peruntukan RM90 juta untuk Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) dalam pembentangan Belajawan 2016 lalu.

"Ia peningkatan 70.21 peratus khusus untuk pengurusan banjir yang terjadi.

"Untuk masalah kolam takungan yang seringkali berkait dengan banyak pihak, Kerajaan Negeri memutuskan bagi 2016 semua kolam takungan diuruskan di bawah tanggungjawab JPS," katanya ketika program persiapan Karnival Jelajah Tani 2015, di sini, pada 12 Disember lalu.

Katanya, projek bernilai RM6.8 juta di Sungai Udang, Selayang sedang giat melaksanakan kerja naik taraf bagi mengurangkan masalah banjir.

"Kita mengharapkan bila selesai projek menaik taraf termasuk di kolam takungan di Jalan 27,

Bantuan diberi sedikit sebanyak dapat meringankan beban mangsa memperbaiki kerosakan perabot dan alatan perumahan

ZAIDY TALIB
Exco Infrastruktur

Selayang Mutiara, maka ia akan mampu mengurangkan banjir kilat.

"Selain itu, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) juga meluluskan peruntukan RM800,000 untuk membuat kajian bagi menyelesaikan masalah banjir kilat khususnya di perkampungan Bandar Baru Selayang," katanya.

Sementara itu, Jumari Talib, 52, berkata beliau mewakili penduduk menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

"Bantuan diberi sedikit sebanyak dapat meringankan beban mangsa memperbaiki kerosakan perabot dan alatan perumahan.

"Saya juga menyokong usaha Kerajaan Negeri terus menyelesaikan masalah banjir kerana sememangnya ia sering berlaku hampir setiap tahun waktu hujan lebat," katanya.

OLEH AFEEQA AFEERA

Tingkat pengetahuan masyarakat

MB: LZS perlu progresif sebar maklumat zakat

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) perlu menggembeling tenaga dan bertindak progresif dalam meningkatkan pengetahuan umat Islam berkenaan zakat.

Dato' Seri Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata untuk melakukannya, LZS harus merujuk karya besar ulama dan ilmuwan salaf (masa lalu) serta khalaf (kontemporari) sebagai panduan.

"Karya besar ulama seperti Syaikh Yusuf al-Qardawi dan Syaikh Wahbah al-Zuhaili wajar ditelaah ekoran mengandungi pemikiran ijhtihad dalam zakat.

"Karya itu juga wajar diwanakan secara sistematik dan meluas," katanya pada Perhimpunan Bulanan Kakitangan Kerajaan Selangor di Dewan Jubli Perak, pada 7 Disember lalu.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, hak rakyat harus diurus dengan amanah dan telus demi menjaga keharmonian masyarakat.

Katanya, bermula daripada ketua negara sehingga pemerintah di daerah perlu berpegang kepada perintah Allah SWT supaya kemiskinan tidak lagi berlegar

“**Karya besar ulama seperti Syaikh Yusuf al-Qardawi dan Syaikh Wahbah al-Zuhaili wajar ditelaah ekoran mengandungi pemikiran ijhtihad dalam zakat.**
MOHAMED AZMIN
Menteri Besar

dalam kalangan rakyat.
"Apa makna dikatakan negara maju jika masih ramai lagi di luar sana menderita," katanya.



Rebut peluang berwakaf serendah RM5 sebulan

SHAH ALAM - Penjawat awam disarankan mengambil peluang berwakaf walaupun dalam jumlah kecil, kata Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa.

Beliau berkata, wakaf kini boleh dilakukan melalui potongan gaji serendah RM5 sebulan dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat.

"Pelbagai kaedah diperkenalkan untuk melebar luaskan amalan wakaf dalam kalangan masyarakat Islam ter-

masuk wakaf tunai dikenali Skim Infaq. "Ini memberi peluang kepada semua masyarakat terutama penjawat awam untuk berwakaf," katanya pada Perhimpunan Bulanan Kakitangan Kerajaan Selangor di Dewan Jubli Perak, pada 7 Disember lalu.

Pada masa sama, Mohamad Adzib turut meminta orang ramai supaya tidak terkeliru antara peranan MAIS dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Katanya, walaupun kedua badan itu bertanggungjawab menguruskan hal-

ehwal agama Islam, namun ia mempunyai skop tugas berbeza.

"MAIS bertanggungjawab dalam pembentukan dasar seperti pendidikan, tempat ibadah, pengurusan harta baitulmal, undang-undang Islam,ewartakan fatwa dan lain-lain.

"Sementara JAIS adalah jabatan yang menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan ketetapan dibuat MAIS termasuk menggalakkan pematapan aktiviti dan akhlak orang Islam melalui program," katanya.

“**Pelbagai kaedah diperkenalkan untuk melebar luaskan amalan wakaf dalam kalangan masyarakat Islam termasuk wakaf tunai dikenali Skim Infaq**

MOHAMAD ADZIB
Pengerusi MAIS

Ziarah 6 Hospital cara berkesan sampai dakwah

SHAH ALAM - Program Ziarah 6 Hospital menggalakkan pembinaan hubungan erat antara masyarakat dan pesakit seluruh Selangor.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata program itu dapat membantu menjadikan hospital sebuah institusi yang mesra rakyat dengan aktiviti ibadah.

"Badan bukan kerajaan (NGO) digalakkan lebih kerap menganjurkan program ziarah pesakit.

"Ia akan dapat membantu pesakit dengan memberikan mereka motivasi dan pertolongan mengikut keperluan," katanya dipetik Sinar Harian, pada 12 Disember lalu.

Selain itu, Yunus berkata, ziarah adalah salah satu cara untuk menyampaikan dakwah kepada pesakit dengan lebih berkesan.

Difahamkan, Program Ziarah 6 Hospital adalah inisiatif Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dengan kerjasama NGO, Fasilitator Sukarelawan,



#KitakanIslam
BUAT KERANA ALLAH

Sumbangan untuk:
Rumah Ngaji @ Rumah Maghribah
Maklumat lanjut hubungi: 019-2538704
No Akaun: 1621 8171 1707 (Maybank)

RUMAH
ngaji

WAKTU SOLAT SELANGOR							
18 - 23 Disember 2015							
6 - 13 Rabiulawal 1437H							
Sembak, Hala Selangor Kawang, Muar, Langkat, Sepang, Presint, Shah Alam							
	Injak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
18 Jumaat	5:41	5:51	7:13	1:12	4:55	7:08	8:23
19 Sabtu	5:41	5:51	7:14	1:13	4:55	7:09	8:24
20 Ahad	5:41	5:51	7:14	1:13	4:56	7:09	8:24
21 Isnin	5:42	5:52	7:15	1:14	4:56	7:10	8:25
22 Selasa	5:42	5:52	7:15	1:14	4:57	7:10	8:25
23 Rabu	5:43	5:53	7:16	1:15	4:57	7:11	8:26
24 Khamis	5:43	5:53	7:16	1:15	4:58	7:11	8:26
25 Jumaat	5:44	5:54	7:17	1:16	4:58	7:12	8:27
Sarak Kemuning, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langkat							
	Injak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
18 Jumaat	5:43	5:53	7:15	1:14	4:57	7:10	8:25
19 Sabtu	5:43	5:53	7:16	1:15	4:57	7:11	8:26
20 Ahad	5:44	5:54	7:16	1:15	4:58	7:11	8:26
21 Isnin	5:44	5:54	7:17	1:16	4:58	7:12	8:27
22 Selasa	5:45	5:55	7:17	1:16	4:59	7:12	8:27
23 Rabu	5:45	5:55	7:18	1:17	4:59	7:13	8:28
24 Khamis	5:46	5:56	7:18	1:17	4:49	7:13	8:28
25 Jumaat	5:46	5:56	7:19	1:18	4:49	7:14	8:29

Penantian 10 tahun berakhir

Misi 33 Selangor tercapai



OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Dua jaringan Ahmad Hazwan Bakri sudah cukup merealisasikan impian Selangor menjuarai Piala Malaysia buat kali ke-33 selepas menewaskan Kedah 2-0.

Jaringan setiap babak yang dihasilkan Ahmad Hazwan menerusi gandingan mantap bersama Guilherme De Paula memerangkap pertahanan Kedah dalam perlawanan akhir yang berlangsung dalam suasana hujan renyai di Stadium Shah Alam, di sini, pada 12 Disember lalu.

Selangor mendahului seawal minit ke-3 selepas Ahmad Hazwan berjaya memanfaatkan peluang hasil satu serangan balas pantas yang

memerangkap pertahanan Kedah sekali gus menewaskan penjaga gol, Firdaus Muhamad.

Jaringan awal itu menggamatkan suasana stadium yang dihadiri lebih 75,000 penonton kedua-dua pasukan.

Kedah cuba bangkit menerusi beberapa percubaan namun kekebalan benteng pertahanan Selangor didorong faktor padang yang licin menyukarkan pergerakan mereka mengatur serangan.

Bersambung babak kedua, Selangor sekali lagi mendahului perlawanan selepas Ahmad Hazwan melakukan rembatan deras kaki kiri hasil umpanan De Paula pada minit ke-48 bagi membolehkan mereka mendahului 2-0.

Kedah lebih tertekan di minit akhir perlawanan apabila terpaksa beraksi 10 pemain selepas penjaga gol me-reka, Firdaus Muhamad di-

layangkan kad merah selepas menampar bola di luar kotak penalti pada minit ke-83.

Tiada tambahan jaringan disaksikan dan keputusan 2-0 kekal sehingga tamat dalam perlawanan yang dicemari dengan layangan tiga kad kuning.

Lebih manis, Ahmad Hazwan turut dipilih sebagai pemain terbaik perlawanan akhir.

Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamad Azmin Ali bersama Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir turut hadir menyaksikan perlawanan akhir itu.

Dengan kemenangan itu, Selangor melunaskan misi balas dendam tewas 2-3 kepada Kedah pada final 2008 serta merealisasikan Misi 33 selepas kali terakhir memenangi Piala Malaysia pada 2005 menewaskan Perlis dengan jaringan 3-0.

JUARA PIALA MALAYSIA REAKSI KEJAYAAN RED GIANTS MELAKSANAKAN MISI 33

Harapan rakyat Selangor untuk menyaksikan Piala Malaysia dirampas semula direalisasi Red Giants. Selepas mendapat perkenan Tuanku Sultan dan merujuk kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, cuti peristiwa adalah sebagai rasa penghargaan dan gembira di atas kejayaan ini.

Dato' Seri Mohamed Azmin Ali,
Menteri Besar



Alhamdulillah, kami akhirnya dapat merealisasikan Misi 33. Kontrak saya pula tamat tahun ini tetapi saya sudah menandatangani kontrak baharu untuk kekal bersama Red Giants musim depan.

Ahmad Hazwan Bakri, Pemain Terbaik Final

la satu kepuasan dapat menjuarai Piala Malaysia sebagai pemain Red Giants sebanyak tiga kali dan kali ini sebagai jurulatih. Ia tidak dapat diungkap dengan kata-kata. Umpama mimpi akhirnya menjadi kenyataan.

Mehmet Durakovic, Ketua Jurulatih Selangor



Faktor kemenangan Selangor adalah Wak Lan sekali lagi kebal di pintu gol serta kejayaan Selangor menjaringkan gol awal di setiap babak. Walaupun Kedah hebat mengawal dan mengatur serangan, kejayaan Selangor dipermudahkan.

Azhar Nordin,
Penyokong
Selangor



Tahniah Selangor kerana berjaya merangkul Piala Malaysia buat kali ke-33. Selangor sememangnya gergasi bola sepak tanah air.

Ahmad Norman,
Penyokong
Selangor



Hazwan: Jaringan dua gol hasil kerjasama berpasukan

SHAH ALAM - Keupayaan menjaringkan dua gol pada aksi perlawanan akhir Piala Malaysia hasil kerjasama utuh berpasukan, kata Ahmad Hazwan Bakri apabila menjaringkan dua gol membenam Kedah 2-0 di Stadium Shah Alam, pada 12 Disember lalu.

Penyerang kebangsaan yang dipilih pemain terbaik perlawanan ber-tindak cemerlang membantu Selangor merealisasikan Misi 33, sekali gus membalas dendam selepas tewas pada aksi sama, tujuh tahun lalu.

Ahmad Hazwan ketika ditemui

berkata, dia sama sekali tidak menyangka akan menjadi wira, namun menegaskan kemenangan ini adalah hasil usaha rakan sepasukan yang sentiasa bekerja keras dan tidak pernah berputus asa.

"Saya bagaikan tidak percaya dapat menjaringkan gol di pentas akhir. Memang ini saya impikan sejak dulu lagi.

"Ini semua berkat semangat berpasukan yang ditunjukkan rakan lain. Kemenangan ini adalah milik kita semua," katanya dipetik BH Online.

Turun di Kuala Selangor, Klang, Sepang, Selayang

Jelajah kemenangan Piala Malaysia seluruh daerah

OLEH ROSDI MOHAMAD

SHAH ALAM - Persatuan Bola-sepak Selangor (FAS) bakal mengadakan siri jelajah meraikan kemenangan ke seluruh daerah bermula 18 Disember (Jumaat) hingga 20 Disember (Ahad) ini.

Exco Generasi Muda, Sukary, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata siri jelajah Piala Malaysia itu bermula di daerah Kuala Selangor, Klang, Sepang dan Gombak.

Katanya, beliau mahu penyokong di setiap daerah berpeluang melihat sendiri piala kebanggaan yang sudah sepuluh tahun tidak dimiliki oleh pasukan The Red Giants itu.

"Perarakan pertama di Kuala Selangor bermula jam 3 hingga 6 petang. Perarakan piala bermula dari Masjid Jami' Sultan Ibrahim seterusnya ke Stadium Tertutup Kuala Selangor.

"Daerah Klang pada 19 Disember bermula di Shell Bandar



PERARAKAN KEMENANGAN PIALA MALAYSIA 18 Disember (Jumaat) - 20 Disember (Ahad)

DAERAH KUALA SELANGOR

18 Disember (Jam: 3.00 - 5.00 petang)
Bermula dari Masjid Jami' Sultan Ibrahim ke Stadium Tertutup Kuala Selangor

DAERAH SEPANG

20 Disember (11 pagi - 1 Petang)
Bermula dari Stesen Bas Bandar Baru Salak Tinggi ke Stadium Mini Majlis Perbandaran Sepang.

DAERAH KLANG

19 Disember (5 - 7 petang)
Bermula dari Shell Bandar Botanik ke GM Klang.

DAERAH GOMBAK

20 Disember (4 - 6 Petang)
Bermula dari Dataran Ilmu ke Stadium Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Botanik ke GM Klang bermula jam 5 hingga 7 petang.

"Manakala di kawasan Sepang pula pada 20 Disember, perarakan bermula jam 11 pagi hingga 1 petang dari Stesen Bas Bandar Baru Salak Tinggi ke Stadium Mini Majlis Perbandaran Sepang.

"Seterusnya, bagi daerah Gombak pada 20 Disember juga pula bermula di bermula di Dataran Ilmu dan berakhir di Stadium Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bermula jam 4

hingga 6 petang," katanya kepada Selangor Kini pada 15 Disember lalu.

Beliau berkata dalam siri jelajah itu, pihaknya turut menyediakan cabutan bertuah dan poster pasukan yang ditan-datangani oleh semua pemain.

Red Giants berjaya menamatkan kemarau sepuluh tahun dalam 'Misi 33' apabila menjuarai Piala Malaysia edisi ke-89 Sabtu lalu.

Selangor menerusi dua jaringan penyerangnya, Ahmad Hazwan Bakri berjaya menewaskan pasukan Kedah dengan 2-0.

Kemenangan itu juga sebagai hadiah istimewa kepada DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-70 pada 11 Disember lepas.

Selangor menjuarai Piala Malaysia kali terakhir pada tahun 2005 menewaskan pasukan Perlis.

FAS mahu penyokong di setiap daerah berpeluang melihat sendiri piala kebanggaan yang sudah sepuluh tahun tidak dimiliki oleh pasukan The Red Giants



SELANGOR DALAM PIALA MALAYSIA / PIALA MALAYA

33 KALI JUARA

1922, 1927, 1928, 1929, 1935, 1936, 1938, 1949, 1956, 1959, 1961, 1962, 1963, 1966, 1968, 1969, 1971, 1972, 1973, 1975, 1976, 1978, 1979, 1981, 1982, 1984, 1986, 1995, 1996, 1997, 2002, 2005, 2015

15 KALI NAIB JUARA

1921, 1924, 1925, 1930, 1932, 1933, 1937, 1939, 1948, 1957, 1965, 1980, 1983, 1991, 2000

JUARA 3 KALI BERTURUT-TURUT

4 kali (1927-1928-1929), (1961-1962-1963), (1971-1972-1973) dan (1995 - 1996-1997)

Jaringan pasukan terbanyak dalam perlawanan akhir - 8 gol (1933 dan 1968)

Jaringan perlawanan terbesar dalam peringkat kumpulan
Selangor lawan Terengganu : 18-0 (1963)

Penjaring-penjaring hat-trick dalam perlawanan akhir
Abdul Ghani Minhat (4 gol) - 1961
S.Thanabalan - 1968
Bambang Pamungkas - 2005

Jurulatih import paling banyak memimpin pasukan juara
3 kali - Ken Worden (1995, 1996 dan 2002)

Pemain paling banyak mendapat juara
Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari
10 kali (1972-1986)



Tahniah

Setinggi-tinggi
penghargaan kepada

**DATO' SERI
MOHAMED AZMIN ALI**

di atas

Pengurniaan Darjah Kebesaran
Seri Paduka Mahkota Selangor
(S.P.M.S)
Darjah Kelas Pertama

Daripada



Kakitangan Kerajaan
serta seluruh Rakyat Negeri Selangor



SEMBAH UCAPAN TAAT SETIA DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
SEMPENA ISTILADAT PENGANUGERAHAN / PENGURUHAN DARJAH
DAN BINTANG KEBESARAN NEGERI SELANGOR



*Duli Yang Maha Mulia Sultan
Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibnu
Almarhum Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah Alhaj,
Sultan dan Yang DiPertuan
Negeri Selangor Darul Ehsan
serta segala daerah takluknya.*

Ampun Tuanku beribu – ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun.

Mewakili rakyat Duli Yang Maha
Mulia Tuanku, patik menyusun jari se-
puluh, merafak sembah taat setia dan
menjunjung kasih atas Tuanku berse-
mpena Ulang Tahun Hari Keputeraan
Yang Ke-70 Duli Yang Maha Mulia Sul-
tan Selangor.

Rakyat Tuanku bergembira dan ber-
syukur ke hadirat Allah SWT kerana
Tuanku dipanjangkan usia untuk terus
bersemayam di atas takhta Negeri Sel-
angor Darul Ehsan.

*Terbang di laut di hujung karang,
Burung nasar terbang ke Bandan;
Dan dahulu sampai sekarang,
Banyak raja sudah ku pandang.*

*Burung nasar terbang ke Bandan,
Bulunya jatuh ke Patani;
Banyak raja sudah ku pandang,
Mana nak sama Tuanku ku ini.*

Patik merafak sembah, memo-
hon perkenan Tuanku untuk mem-
buka kalam dengan mengambil
ikhtibar dari pesan junjungan
besar Nabi Muhammad SAW
yang bersabda : "Tuntutlah
ilmu hingga ke Negeri Cina."
Sayugia patik sunting per-
mata hikmah dari Kung
Fu Tze yang terkandung
dalam kitabnya berjudul Lun Yu. Sang
Maha Guru menceritakan perjalanan
hidupnya. Inilah madah beliau :

*Tatkala aku berumur 15 tahun, hatiku
terpaut untuk tekun belajar;
Ketika aku berumur 30 tahun, pen-
dianku teguh;*

*Pabila aku berumur 40 tahun, aku ti-
dak mempunyai keragu-raguan;
Sewaktu aku berumur 50 tahun, aku
mengetahui ketentuan takdir;*

*Dikala aku berumur 60 tahun, telin-
gaku patuh mendengar;*

*Sampai aku berumur 70 tahun, aku
boleh mengikuti rasa hatiku, tanpa me-
langgari sempadan kebenaran.*

Ampun Tuanku,

Hampir sepumama yang lalu, Tuanku
telah memasuki tahun ke-15 berse-
mayam di atas takhta Kerajaan Negeri
Selangor, Negeri Bertuah, Darul Ehsan.

Hari beredar, bulan meninggalkan
bulan, tahun melangkah
tahun, Selangor bertambah
maju dan semakin makmur
di bawah naungan Tuanku.

Tahun ke lima belas sungguhlah indah,
laksana malam bulan mengambang.

*Bulang kuning kapal paduka,
Rambulan penuh belayariah ia;
Sudah patik menimbang kira,
Tuanku di takhta negerikan jaya.*

Demikian pula patik sedar, cabaran
semakin getir. Patik bertanggungjawab
memastikan Negeri Tuanku janganlah
kaku, leka mendendangkan kejayaan
semalam dan sekarang. Patik mahu
negeri Tuanku terus memecut ke de-
pan, bersaing dengan negeri dan nega-
ra yang lebih maju di rantau ini.

Justeru itu, di tahun ke-15 pemerin-
tahan Tuanku, patik melakar gagasan
Smart Selangor sebagai visi negeri un-
tuk tempoh 3 tahun. Peta perjalanan
negeri akan membawa Selangor menu-
ju sebuah negeri maju dengan menja-
min keadilan untuk rakyat.

Patik berkelana ke Jepun dan ke Ko-
rea Selatan mencari idea, menelusuri
jejak bandar raya dan negara yang ber-
jaya, meneliti pusat penyelidikan dan
inovasi untuk memajukan lagi negeri.

Pembangunan Negeri Selangor akan
diseimbangkan dengan kemekaran seni
budaya dan warisan dengan pemban-
gunan muzium dan galeri untuk pencita
dan aficionado seni seperti Tuanku.
Patik juga tidak lupa peri pentingnya
sukan rakyat dan kegemaran Tuanku yang
berupaya untuk menyatu padukan umat
yang rencam.

Patik berdebar-debar pagi ini bukan
kerana diminta menyembah ucapan
taat setia tetapi patik dapat merasai
debaran Tuanku menantikan saat ke-
menangan di pertawanan akhir Piala
Malaysia malam ini.

Ampun Tuanku,

Patik sedar dan insaf akan kepayah-
an rakyat Tuanku akibat ekonomi ne-
gara yang gawat dan amalan rasuah
yang membarah dalam sistem. Maka-
nya, prinsip keberterangjawab dan
keadilan sosial akan menjadi teras pemban-
gungan Negeri Selangor.

Atas kesedaran ini, Dewan Negeri
Selangor meluluskan program bantuan
makanan asas untuk golongan termis-
kin dan mengecualikan pembayaran fi
lesen untuk peniaga kecil dan penaja
bagi tahun 2016. Cukai taksiran bagi
rumah kampung tradisi dan rumah kos
rendah juga dikecualikan. Perkhidmatan
bas percuma Smart Selangor mendapat
sambutan meriah dari rakyat Tuanku.

Anggota perkhidmatan awam mem-
erah keringat demi negeri; siang dan
malam, banjir dan jerebu, untuk mening-
katkan hasil. Walhasil, pendapatan ne-
geri Tuanku yang sebelum ini diunjur-
kan sejumlah RM 1.97 bilion bagi tahun
2015, telah melonjak ke RM 2.4 bilion.

Selangor maju dan akan terus su-
bur dan mengambang kerana laut poli-
tik tidak berombak. Meskipun resam

demokrasi membenarkan pertukaran kerajaan yang mentadbir, namun rakyat bersyukur peralihan kuasa mengikut iradat rakyat berlaku secara teratur dan aman. Kestabilan terus kekal kerana perubahan dipayungi oleh institusi Raja-Raja Melayu.

Sementara tajdid dan islah umat terus berkembang, kesetiaan rakyat kepada Raja dan negara kekal utuh seperti yang termasyhur dalam Rukun Negara. Institusi Raja Berperlembagaan, ibarat pembentuk yang membulatkan muafakat rakyat, memayungi Selangor untuk kekal selamat, adil, maju dan makmur.

Ampun Tuanku, patik mohon keizinan dan kasih Tuanku untuk meluruskan khilaf faham, peri kedudukan Raja Berperlembagaan.

Khilaf pertama, memperikan Yang DiPertuan Agong dan Raja-Raja Melayu tiada apa-apa peranan kecuali hanya sebagai lambang kepada Islam dan semata-mata "rubber stamp" kepada undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Konon kata mereka, kuasa Raja hanya saki-baki, laksana hampas dari kuasa budi bicara, terbatas kepada perantaraan Perdana Menteri atau Menteri Besar sahaja.

Mentera demokrasi diulang sebut, kononnya hanya pemimpin yang terbit dari peti undi memiliki kuasa melakar nasib dan masa depan bangsa dan negara.

Pandangan ini adalah batil. Sejak masa mutakhir, terbitnya pencerahan yang bertambah tentang kedudukan dan peranan Raja-Raja Melayu. Pandangan rakyat menegaskan Raja-Raja Melayu punya peranan yang cergas dan dinamik untuk melindungi Perlembagaan dan rakyat.

Pertama, dan terutamanya, Raja-Raja Melayu adalah kubu terakhir untuk mempertahankan keluhuran Perlembagaan. Raja-Raja Melayu berperanan penting dalam perkara yang berkaitan unis tadbir negara, menimbang tara undang-undang yang diluluskan dan men-



jaga batas sempadan kuasa eksekutif.

Rakyat maklum bahawa Raja-Raja mereka yang bijaksana tidak mencampuri urusan pentadbiran harian. Ini bukanlah persoalannya. Namun, apabila saat ketika berlaku di mana semangat Perlembagaan tercemar, tatkala terulus undang-undang yang menginjak-injak kedaulatan Raja-Raja Melayu dan rakyat, Majlis Raja-Raja secara jama'i mahunya berikhtiyar bertindak sebijaksana demi kedaulatan undang-undang dan kemakmuran negara.

Pandangan yang mengatakan Raja tidak boleh berbuat apa-apa, adalah terbit dari akal keliru yang memberi kuasa mutlak tanpa sempadan kepada rakyat. Kita hanya perlu belajar dari sejarah, apabila tangan yang berkuasa

berpindah ke tangan yang lain kononnya atas nama "kuasa rakyat", apa yang berlaku bukanlah perpindahan kuasa kepada rakyat keseluruhannya tetapi pemusatan kuasa di tangan seorang manusia.

Saksikan sejarah Timur Tengah, dalam tahun 1950-an dan 80-an yang lalu, sistem beraja digantikan dengan kuasa yang kononnya mewakili rakyat. Malangnya, si pengganti menjadi pemerintah kuku besi, zalim dan diktator kerana mabuk menghirup kuasa. Mereka alpa bahawa kuasa hanyalah amanah buat digunakan dengan adil dan saksama untuk rakyat dan bukannya untuk melampias nafsu mereka.

iktibar daripada firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran, Ayat 26 :

Katakanlah (wahai Muhammad) : "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memulihkan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Sesungguhnya kita harus mengambil

KE MUKA 4





DARI MUKA 3

Ampun Tuanku,

Demokrasi menjadi lumpuh apabila perlembagaan dicabuli. Peranan institusi kehakiman menjadi lebih penting. Institusi kehakiman merupakan satu dari tiga sendi kerajaan dalam doktrin pemisahan kuasa. Izinkan patik nukilkan kata-kata bijaksana Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-lah yang terseor:

"The Judges are independent of all - the Executive, Parliament and from within themselves - and are free to act in an independent and unbiased manner. No member of the Government, no Member of Parliament, and no official of any Government department has any right whatever to direct or influence the decision of any of the judges. It is the sure knowledge of this that gives the public confidence in the judges. The judges are not beholden politically to any government..."

Ampun Tuanku,

Rakyat jelata berbangga dengan sejarah gemilang Kesultanan Selangor. Tuanku mempunyai leluhur yang hebat, berani lagi bijaksana. Kesultanan Selangor adalah keturunan Daeng Chelak, Yang DiPertuan Muda Riau Kedua yang namanya harum seantero Alam Melayu sebagai pahlawan dan negarawan.

Dalam salasilah tertera nama Raja Haji, seorang pahlawan berani yang syahid dalam perang untuk mengusir penjajah Belanda dari Melaka, maka digelar Almarhum Syahid Fisabilillah.

Raja Haji mempunyai cucu, pendita agung Alam Melayu, Raja Ali Haji. Sebagai pengarang Tuhfat al-Nafis, sekumpu-

lan puisi dan penyusun kamus bahasa Melayu yang pertama, Raja Ali Haji sesungguhnya adalah tokoh Asian Renaissance.

Kerana beliau meninggal di Pulau Penyengat dalam wilayah Indonesia, Raja Ali Haji dinobatkan sebagai Pahlawan Nasional oleh negara jiran.

Makanya, dalam darah dan nadi Kesultanan Selangor, mengalir dan bertembung dua lautan, lautan kepahlawanan dan lautan kependitaan. Keberanian dan kebijaksanaan dalam institusi kesultanan, memang amat diperlukan oleh rakyat yang bernaung di bawah payung kebesaran Raja-Raja Melayu.

Ke mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi, ke mana mengalmnya lautan ini, kalau tidak kepada Kesultanan Selangor.

*Memintal tali belati,
Pangkal punca kuat ikatnya,
Bersulam dengan hati,
Akal bistari tinggi tempatnya.*

Dalam institusi Raja-Raja Melayu, sesuai dengan tradisi kepahlawanan dan kependitaan leluhur, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menampilkan kepemimpinan moral dan intelektual, dalam menyatakan pendirian Raja-Raja Melayu tentang derita dan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat serta maruah negara yang terpalit akibat dari skandal kewangan dan urus tadbir yang curang.

Patik dan rakyat jelata, amat terkesan dengan pendirian tegas yang dimasyhurkan oleh Majlis Raja-Raja Melayu pada 8 Oktober 2015, lanya laksana suluhan yang menerangi kegelapan, anjuran moral dan suara hati nurani yang terpancar dari mata air kesetiaan rakyat. Rakyat tersentuh dengan kepedulian Raja-Raja mereka tentang soal demokrasi, nilai

dan urus tadbir.

Lantaran itu, rakyat tidak lagi berbisik-bisik, bersedah di belakang tabir dengan kiasan dan isyarat. Suara mereka jelas dan lantang. Amat jelas, rakyat menuntut tajdid dan islah secara aman mengikut lunas-lunas perlembagaan dengan bernaung di bawah payung kedaulatan Raja-Raja Melayu.

*Bergelang bulat bimasakti,
Sinar sampai ke hujung kota,
Rakyat jelata bersatu hati,
Teguh di bawah payung mahkota.*

*Dari puncak Mahameru,
Asal benih bangsa Jawi,
Selama ada Raja Melayu,
Daulatnya demi itu pertiwi.*

Ampun Tuanku,

Patik bertekad untuk menyemarakkan syiar Islam, mengupayakan orang Melayu tanpa menafikan hak orang lain serta memperkukuhkan hak rakyat jelata tanpa mereka perlu menagih bantuan atau derma.

AkhirulKalam, patik dan sekalian rakyat memohon ke hadirat Allah SWT semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dikumiakan kesihatan, dipelihara keselamatan dan kesejahteraan yang berpanjangan supaya dapat terus memerintah Negeri Selangor Darul Ehsan dengan segala kemuliaannya.

Doa sekalian rakyat juga dipanjatkan ke hadirat Allah SWT untuk Duli Yang Teramat Mulia, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, dan seterusnya kepada puteri - puteri dan adinda - adinda Tuanku, waris - waris serta kerabat Diraja sekalian, semoga berada dalam keadaan kesejahteraan, dikurniakan taufik dan hidayah, serta senantiasa dalam perlindungan Allah SWT.

Daulat Tuanku.

Jalinan erat ramuan utama keharmonian

KLANG - Masalah banjir di Seksyen 13, Puncak Alam dan beberapa kawasan terjejas akan berakhir apabila projek tebatan banjir siap akhir tahun depan atau selewat-lewatnya 2017.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawi, berkata sebahagian masalah banjir yang sering melanda beberapa kawasan juga berjaya diatasi. "Susulan itu, Kerajaan Negeri sudah memberi kelulusan segera kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melaksanakan projek dicadangkan.

"Pekan Kajang dan lembangan Sungai Rasah iaitu Kampung Padang Jawa yang sering dilanda banjir setiap kali musim hujan tidak berdepan insiden terabit kali ini ekoran pelaksanaan projek tebatan banjir yang dilaksanakan JPS ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Jamuan Teh Diraja Sempena Keputeraan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah ke - 70 di Padang Mahkota, Istana Alam Shah, pada 11 Disember lalu.

Khusrin berkata, pencapaian terabit adalah hasil kerjasama erat semua pihak terutama komitmen Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali yang memberikan sepenuh keper-

Keharmonian terjalin antara institusi istana, pimpinan politik dan pegawai kerajaan ialah ramuan cukup penting untuk terus diperkukuh serta dipertahankan bagi membolehkan pentadbiran berjalan lancar

MOHAMMED KHUSRIN MUNAWI
Setiausaha Kerajaan Negeri

cayaan kepada pegawai Kerajaan Negeri.

"Keharmonian terjalin antara institusi istana, pimpinan politik dan pegawai kerajaan ialah ramuan cukup penting untuk terus diperkukuh serta dipertahankan bagi membolehkan pentadbiran berjalan lancar.

"Didorong dengan pandangan tuanku yang sentiasa terbuka menerima cadangan dan sikap Menteri Besar yang sangat menghargai pendapat dikemukakan pegawai Kerajaan Negeri memberi motivasi untuk kami terus bertungkus-lumus memastikan setiap keputusan dapat diambil tindakan segera," katanya.

MB teliti, kaji semua aspek

MENTERI Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali disifatkan sebagai individu yang teliti dan sentiasa meminta semakan dilakukan berhubung soalan dibangkitkan wakil rakyat sama ada sudah dijawab atau belum dalam setiap persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS).

Speaker DNS, Hannah Yeoh berkata Mohamed Azmin selalu terbawa-bawa karektor 'hands on' beliau yang amat memudahkan semua pihak bekerja dengan Adun Bukit Antarabangsa itu. "Semua Adun boleh berinteraksi dan mendapat maklum balas secara terus daripadanya, bahkan beliau

melihat sendiri jawapan yang disediakan agensi untuk sidang DNS.

"Saya nampak jawapan atas mejanya, bahkan beliau akan meneliti dan mengkaji setiap soalan sebelum bangun menjawab," katanya.

Hannah berkata, Setiausaha Politik Mohamed Azmin dilihat turut memainkan peranan yang memudahkan beliau memahami masalah Adun juga rakyat di negeri itu.

"Belia juga bijak menggunakan pengalamannya sebagai wakil rakyat untuk lebih memahami kehendak dan keperluan Adun juga rakyat secara menyeluruh.